



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2007



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iv
INTISARI LAPORAN	vii
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor	29
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)	30
BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	33
Objektif Pengauditan	34
Skop Dan Kaedah Pengauditan	34
Jenis Kawalan	35
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	45
Rumusan Dan Syor	46

PERKARA**MUKA SURAT****BAHAGIAN V : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN
NEGERI**

Warisan Harta Sabah Sendirian Berhad	48
--------------------------------------	----

**BAHAGIAN VI : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,
MAJLIS UGAMA ISLAM, PERBADANAN BAITULMAL
NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Pendahuluan	70
Pengauditan Penyata Kewangan	70
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	70
Persijilan Penyata Kewangan	73
Pembentangan Penyata Kewangan	75
Prestasi Kewangan	77
Rumusan Dan Syor	80

**BAHAGIAN VII : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Yang Masih Belum Selesai	81
---	----

**BAHAGIAN VIII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	94
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	94

PENUTUP	95
----------------	----

LAMPIRAN

I. Sijil Ketua Audit Negara	96
II. Lembaran Imbangan	97

PERKARA**MUKA SURAT**

III.	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	98
IV.	Penyata Akaun Memorandum	99
V.	Nota Kepada Penyata Kewangan	100
VI.	Perkara Berbangkit Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	106

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan

Untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan

Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 6,316 baucar bayaran bernilai RM70.03 juta, sebanyak 1,022 penyata pemungut bernilai RM931.40 juta dan 418 baucar jurnal bernilai RM315.08 juta.

3. Pengauditan Syarikat Kerajaan – Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/Swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

4. Laporan ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:

- | | |
|----------------------|---|
| BAHAGIAN I | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 |
| BAHAGIAN II | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN III | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN IV | - Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN V | - Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN VI | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam, Perbadanan Baitulmal Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan |
| BAHAGIAN VII | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN VIII | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri |

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) SUPERVISION** –Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan

terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.

- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sence of responsibility*).
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya
27 Jun 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Memorandum. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun 2006. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami peningkatan sebanyak RM223.42 juta atau 16.7% daripada RM1.34 bilion pada tahun 2006 menjadi RM1.56 bilion pada tahun 2007. Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2007 telah meningkat sebanyak RM518.16 juta atau 22.9% menjadi RM2.78 bilion berbanding RM2.26 bilion pada tahun 2006. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah meningkat sejumlah RM271.42 juta atau 14.1% menjadi RM2.19 bilion berbanding RM1.92 bilion pada tahun 2006.

BAHAGIAN III – RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Setakat 31 Disember 2007, sebanyak 11,526 projek telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan di bawah RMK-9 (bagi tempoh 5 tahun). Pada tahun 2007 iaitu tahun ke dua pelaksanaan RMK-9, sebanyak 5,854 projek atau 51% telah siap dilaksanakan, 2,226 projek atau 19% sedang dilaksanakan dan 3,446 projek atau 30% belum bermula. Selain itu, peruntukan RMK-9 disemak pada tahun 2007 adalah sejumlah RM5.42 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.51 bilion atau 46.3% telah dibelanjakan oleh 11 Kementerian/Jabatan sehingga akhir tahun 2007.

BAHAGIAN IV – PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/ AGensi NEGERI

4. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah telah melaksanakan penilaian Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan di 15 Kementerian/Jabatan/Agensi

Negeri. Indeks Akauntabiliti dilaksanakan dengan memberi *rating* kepada sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan tahap pematuhan kepada peraturan Kerajaan dan elemen pengurusan kewangan yang disemak terdiri daripada Kawalan Pengurusan Organisasi, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah, Pengurusan Aset dan Inventori, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyata Kewangan tahunan.

5. Semakan Audit mendapati Indeks Akauntabiliti di 9 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berada di tahap baik. Manakala Indeks Indeks Akuntabiliti di 6 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri lain berada di tahap memuaskan. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri masih perlu dipertingkatkan kerana masih terdapat banyak peraturan kewangan yang tidak dipatuhi sepenuhnya. Kelemahan tersebut didapati berpunca daripada pegawai dan kakitangan yang terlibat kurang peka terhadap prosedur kewangan yang ditetapkan.

BAHAGIAN V - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN NEGERI

6. Warisan Harta Sabah Sendirian Berhad

Warisan Harta Sabah Sendirian Berhad (Syarikat) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Ketua Menteri (Pemerbadanan) 1949. Syarikat mempunyai modal saham biasa dibenarkan berjumlah RM1 bilion dan modal saham diterbitkan dan berbayar berjumlah RM393 juta. Aktiviti utama Syarikat adalah dalam bidang pelaburan dan pemaju hartanah. Pada tahun 2007, Syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan pengurusan kewangan adalah baik. Syarikat telah membayar balik semua pinjaman daripada Kerajaan Negeri Sabah yang berjumlah RM20 juta pada tahun 2006. Syarikat juga telah memberikan pulangan dalam bentuk dividen kepada Kerajaan Negeri pada trend yang meningkat. Pada tahun 2005, 2006 dan 2007, dividen yang diisytiharkan adalah berjumlah RM5.03 juta, RM8 juta dan RM10 juta masing-masing. Bagaimanapun, Syarikat perlu meningkatkan kawalan pengurusan kewangan dengan menyediakan garis panduan lengkap terhadap prosedur kawalan pengurusan kewangan yang merangkumi kawalan bajet, terimaan, perbelanjaan, aset, pelaburan dan pinjaman. Selain itu, Syarikat perlu mengambil tindakan untuk membuat pelaporan kepada Lembaga Pengarah mengikut kekerapan yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM, PERBADANAN BAITULMAL NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

7. Sehingga 30 April 2008, sebanyak 51 penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam, Perbadanan Baitulmal Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah disijilkan yang melibatkan 30 Sijil Tanpa Teguran, sebanyak 20 Sijil Berteguran dan 1 Sijil Penafian. Majlis Ugama Islam Negeri Sabah dan 2 Badan Berkanun Negeri lain belum menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun 2006 untuk diaudit. Manakala 15 Pihak Berkuasa Tempatan belum menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun 2006 dan 2007. Selain itu, sebanyak 37 penyata kewangan bagi 26 Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam, Perbadanan Baitulmal dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan belum dibentang di Dewan Undangan Negeri sehingga 30 April 2008.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **22 April 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan kewangan asas tunai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, dan terimaan lain seperti amanah dan bayaran balik pemberian Persekutuan. Bayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran V**.

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran dan baucar jurnal. Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

3.1.1 Terimaan

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

3.1.2 Pembayaran

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata A – Penyata Wang Tunai, Penyata B – Penyata Pelaburan, Penyata C – Penyata Hasil Disatukan, Penyata D – Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata E – Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata F – Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata G – Penyata Akaun Memorandum Tanggungan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2), Persembahan Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Analisis Audit dibuat terhadap penyata kewangan berdasarkan data/dokumen dan rekod yang dihasilkan melalui Sistem *Main Account* serta dokumen kewangan lain yang berkaitan.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM1.56 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM65.55 juta dan pelaburan sejumlah RM1.50 bilion. Kumpulan Wang disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Disatukan mengalami peningkatan berjumlah RM223.42 juta atau 16.7% kepada RM1.56 bilion berbanding RM1.34 bilion pada tahun 2006. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)		
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,184.46	1,769.95	585.49	49.4
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(871.01)	(1,313.47)	(442.46)	50.8
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	37.70	97.77	60.07	159.3
	<i>Akaun Kena Bayar</i>	524.46	475.92		(9.3)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	108.02	173.79	65.77	60.9
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	356.08	359.17	3.09	0.9
Jumlah		1,339.71	1,563.13	271.96	16.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	476.66	704.82	845.70	1,184.46	1,769.95
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	-	-	-	-	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	(75.91)	(27.82)	81.92	155.25	(206.82)
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>					
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(700.22)	(729.54)	(799.69)	(871.01)	(1,313.47)
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	78.81	108.95	169.99	37.70	97.77
	<i>Akaun Kena Bayar</i>	193.13	232.93	319.62	524.46	475.92
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	82.95	88.09	91.58	108.02	173.79
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	269.42	271.75	300.42	356.08	359.17
Jumlah		400.75	677.00	927.62	1,339.71	1,563.13

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam tangan, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam bank. Kedudukan wang tunai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	65.01	51.20	(13.81)	(21.2)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.98	14.29	11.31	379.5
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.10	0.06	(0.04)	(40.0)
Jumlah		68.09	65.55	(2.54)	(3.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Kedudukan wang tunai pada tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan penurunan berjumlah RM2.54 juta atau 3.7% iaitu RM65.55 juta berbanding RM68.09 juta pada tahun 2006. Ini disebabkan peningkatan terimaan wang tunai adalah lebih rendah daripada peningkatan bayaran wang tunai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.


4.2.2 Baki wang tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

Jadual 4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	67.31	82.75	63.13	65.01	51.20
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	5.93	3.27	5.72	2.98	14.29
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.24	0.21	-	0.10	0.06
Jumlah		73.48	86.23	68.85	68.09	65.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Carta 1
Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.3 PELABURAN

Pelaburan Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk simpanan tetap dengan institusi kewangan yang diluluskan. Pelaburan yang dibuat adalah daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan dan diambil kira pada nilai buku. Kedudukan pelaburan pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Pelaburan Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Pelaburan	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus
1.	Bank Perdagangan Tempatan	1,270.86	1,496.86	226.00	17.8
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	0.71	0.71	-	-
3.	Sekuriti Kerajaan Asing	0.04	-	(0.04)	(100)
Jumlah		1,271.61	1,497.57	225.96	17.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Pelaburan pada akhir tahun 2007 meningkat sejumlah RM225.96 juta atau 17.8% menjadi RM1.50 bilion berbanding RM1.27 bilion pada tahun 2006. Peningkatan pelaburan adalah disebabkan pertambahan simpanan tetap sejumlah RM226 juta di bank perdagangan tempatan. Pelaburan tersebut terdiri daripada deposit dengan Bank Perdagangan Tempatan dan Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM1.50 bilion dan RM710,178. Trend pelaburan bagi tempoh 5 tahun (2003 – 2007) adalah seperti di **Jadual 6**.


Jadual 6
Pelaburan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Bank Perdagangan Tempatan	326.52	590.02	858.02	1,270.86	1,496.86
2.	Perbadanan Pembangunan Borneo Sdn. Bhd.	0.71	0.71	0.71	0.71	0.71
3.	Sekuriti Kerajaan Asing	0.04	0.05	0.04	0.04	-
Jumlah		327.27	590.78	858.77	1,271.61	1,497.57

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Carta 2 menunjukkan pelaburan yang telah dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun (2003-2007).

Carta 2
Baki Pelaburan Untuk Tempoh 5 Tahun (2003 Hingga 2007)



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan surplus berjumlah RM585.50 juta. Lebihan ini berpunca daripada kutipan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM2.78 bilion berbanding perbelanjaan sebenar berjumlah RM2.19 bilion.

4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Sabah memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Jumlah hasil mengikut 3 kategori pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Pungutan Hasil Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebihan/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Hasil Cukai	691.42	1,091.09	399.67	57.8
2.	Hasil Bukan Cukai	1,334.54	1,411.84	77.30	5.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	234.98	276.17	41.19	17.5
Jumlah		2,260.94	2,779.10	518.16	22.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah


Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM2.78 bilion iaitu meningkat sejumlah RM518.16 juta atau 22.9% berbanding tahun 2006 berjumlah RM2.26 bilion. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Trend pungutan hasil bagi 5 tahun (2003-2007) adalah seperti di **Jadual 8** dan **Carta 3**.

Jadual 8
Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Kategori Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	1,122.02	1,242.26	623.59	691.42	1,091.09
2.	Hasil Bukan Cukai	710.32	441.89	1,021.36	1,334.54	1,411.84
3.	Terimaan Bukan Hasil	47.28	101.64	133.25	234.98	276.17
Jumlah		1,879.62	1,785.79	1,778.20	2,260.94	2,779.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Carta 3
Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah


Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007, adalah daripada cukai jualan, hasil hutan, royalti petroleum, hasil tanah dan hasil air seperti di **Jadual 9**. Trend 5 butiran penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 4**.

Jadual 9
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Cukai Jualan	391.07	442.80	588.20	656.07	1,046.52
2.	Hasil Hutan	336.23	384.38	465.62	505.16	550.93
3.	Royalti Petroleum	207.36	254.89	276.65	409.73	365.37
4.	Hasil Tanah	149.54	117.99	86.45	101.52	205.02
5.	Hasil Air	80.55	91.52	95.37	94.42	104.76
Jumlah		1,164.75	1,291.58	1,512.29	1,766.90	2,272.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Carta 4
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10** dan **Jadual 11**.

Jadual 10

Peningkatan Hasil Yang Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Cukai Jualan Minyak Kelapa Sawit	580.31	959.95	379.64	65.4	Harga minyak kelapa sawit meningkat daripada RM1,469.63 setiap tan pada tahun 2006 kepada RM2,416.71 setiap tan pada tahun 2007.
2.	Premium Jualan Tanah	60.14	155.34	95.20	158.3	Bayaran premium diterima bagi tanah bernilai tinggi yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi Kerajaan Persekutuan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
3.	Pemberian Menggantikan Duti Import/Eksais Ke Atas Petroleum	76.65	120.00	43.35	56.6	Kementerian Kewangan Malaysia bersetuju mengganti kaedah bayaran pampasan secara interim dengan jumlah minimum RM50 juta kepada bayaran sekaligus sejumlah RM120 juta setiap tahun.
4.	Faedah Atas Baki Wang Tunai Dan Simpanan Jangka Pendek	30.99	46.40	15.41	49.7	Pelaburan/simpanan tetap di bank perdagangan tempatan pada tahun 2007 adalah meningkat berbanding tahun 2006. Selain itu, kadar faedah juga adalah lebih tinggi pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.
5.	Jualan Air	90.42	100.55	10.13	11.2	Bayaran bil air tertunggak oleh pengguna berikutan notis dan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan.
Jumlah		838.51	1,382.24	543.73	64.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Jadual 11
Penurunan Hasil Yang Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Dividen Perbadanan Awam	131.10	14.75	116.35	88.7	Dividen daripada satu syarikat berjumlah RM300 juta yang ditukarkan kepada ekuiti ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
2.	Royalti Petroleum	409.73	365.37	44.36	10.8	Pengeluaran petroleum dan gas pada tahun 2007 adalah berkurangan berbanding tahun 2006.
3.	Jualan Susu Segar	10.09	5.10	4.99	49.5	Bayaran jualan susu segar bagi bulan April hingga Disember 2007 berjumlah RM4.68 juta belum dijelaskan oleh Sabah International Dairies Sdn. Bhd.
Jumlah		550.92	385.22	165.70	30.1	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada 3 kategori iaitu Perbelanjaan Emolumen, Perbelanjaan Lain Berulang Setiap Tahun dan Perbelanjaan Khas. Contoh Perbelanjaan Lain Berulang Setiap Tahun adalah perbelanjaan pentadbiran dan penyenggaraan kenderaan manakala perbelanjaan khas adalah pembelian aset dan pelaburan ekuiti. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2006 Dan 2007


Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Emolumen	483.26	497.27	14.01	2.9
2.	Perbelanjaan Lain Berulang Setiap Tahun	694.65	703.23	8.58	1.2
3.	Perbelanjaan Khas	744.27	993.10	248.83	33.4
Jumlah		1,922.18	2,193.60	271.42	14.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2007 berjumlah RM2.19 bilion berbanding RM1.92 bilion pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM271.42 juta atau 14.1%. Pada keseluruhannya, punca utama peningkatan perbelanjaan mengurus tahun 2007 adalah disebabkan peningkatan Perbelanjaan Khas berjumlah RM248.83 juta, Perbelanjaan Gaji sejumlah RM14.01 juta dan Perbelanjaan Lain Berulang Setiap Tahun sejumlah RM8.58

juta. Trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun (2003-2007) adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5
Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003 Hingga 2007



Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah*

Analisis Audit mendapati antara 5 butiran perbelanjaan yang meningkat dan 3 perbelanjaan yang menurun dengan ketara adalah seperti di **Jadual 13** dan di **Jadual 14**.

Jadual 13**Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun (Pembangunan/Amanah)	310.00	460.00	150.00	48.4	Mengurangkan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan dan menampung pelaksanaan program di bawah Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan.
2.	Pertukaran Pinjaman Kepada Ekuiti	-	55.20	55.20	-	Pinjaman satu Agensi ditukarkan kepada ekuiti di 2 Syarikat pada tahun 2007. Tidak ada pinjaman Agensi yang ditukarkan kepada ekuiti pada tahun 2006.
3.	Bayaran Balik Wang Pinjaman	46.22	97.05	50.83	110.0	Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah kukuh untuk menjelaskan tunggakan pinjaman tahun 2005 dan 2006.
4.	Pelupusan Pinjaman Kerajaan Negeri	10.00	33.80	23.8	238.0	Pinjaman kepada 4 Agensi dihapus kira pada tahun 2007 berbanding satu Agensi pada tahun 2006.
5.	Pemindahan Paip Akibat Pembesaran/Pembaikan Taraf Jalan Raya	13.16	29.88	16.72	127.1	Banyak pemindahan saluran paip air bawah tanah akibat pembesaran/pembaikan taraf jalan raya di seluruh Negeri pada tahun 2007.
Jumlah		379.38	675.93	296.55	78.2	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Jadual 14**Penurunan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pelaburan Ekuiti	95.52	5.00	90.52	94.8	Pelaburan ekuiti berjumlah RM300 juta yang diperolehi melalui pertukaran dividen daripada satu syarikat ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
2.	Bayaran Balik Pinjaman Sabah Development Bank Kepada Angkatan Hebat Sdn. Bhd. Berikutan Penyusunan Semula Penswastaaan Kenderaan	15.00	3.34	11.66	77.7	Bayaran pinjaman pokok yang perlu dibayar (<i>due</i>) pada tahun 2007 adalah lebih kecil berbanding tahun 2006.
3.	Mencegah, Memperbaiki Dan Memulihkan Kerosakan Akibat Ribut/Banjir	9.87	6.14	3.73	37.8	Kerosakan/pembaikan jalan raya pada tahun 2007 adalah berkurangan berbanding tahun 2006.
Jumlah		120.39	14.48	105.91	88.0	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun penerimaan pinjaman dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2007, pinjaman sejumlah RM425.82 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek Bekalan Air dan pelbagai. Pinjaman yang diperolehi telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada akhir tahun 2007, Akaun ini tidak mempunyai baki seperti pada tahun 2006 dan tahun sebelumnya.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Wang Deposit. Pada akhir tahun 2007, Akaun Amanah Disatukan berbaki debit berjumlah RM206.82 juta berbanding baki kredit berjumlah RM155.25 juta pada tahun 2006 iaitu penurunan sejumlah RM362.07 juta atau 233.2%.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar. Semakan Audit terhadap Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mendapati perkara berikut:

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966). Punca kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan imbuhan balik dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan serta terimaan daripada Akaun Pinjaman. Akaun Pinjaman merupakan dana pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang akan disalurkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek pembangunan Negeri serta dipinjam semula kepada Agensi Negeri.

Pada tahun 2007, Kumpulan Wang ini telah menerima pindahan sejumlah RM425.82 juta daripada Akaun Pinjaman Disatukan, RM400 juta daripada Akaun Hasil Disatukan, RM86.69 juta daripada imbuhan balik dan RM41.11 juta daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat defisit sejumlah RM442.46 juta pada tahun 2007 berbanding defisit sejumlah RM71.32 juta pada tahun 2006. Dengan kekurangan ini baki defisit terkumpul meningkat menjadi RM1.31 bilion berbanding RM871.01 juta pada tahun 2006. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 adalah amat menggalakkan di mana sejumlah RM1.39 bilion atau 82.2% daripada peruntukan sejumlah RM1.69 bilion telah dibelanjakan. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2007 meningkat

sejumlah RM281.14 juta menjadi RM1.39 bilion berbanding RM1.11 bilion pada tahun 2006. Perbelanjaan di bawah 1 Jabatan dan 8 Kementerian meningkat sejumlah RM309.91 juta menjadi RM1.20 bilion. Manakala perbelanjaan di bawah 2 Kementerian menurun sejumlah RM28.77 juta menjadi RM192.77 juta. Pada tahun 2007, lima butiran perbelanjaan pembangunan telah meningkat dengan ketara adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Peruntukan Khas – Pembangunan Luar Bandar	25.63	52.72	27.09	105.7	Peruntukan kepada ADUN dan Menteri untuk tujuan pembangunan khas dinaikkan sebanyak 114.3% dan 98.9% pada tahun 2007.
2.	Program Penyambungan Paip	11.59	33.68	22.09	190.6	Lebih banyak projek disiapkan pada tahun 2007 iaitu 8 projek berbanding 6 projek pada tahun 2006.
3.	Pembetulan– Tawau	8.90	27.00	18.10	203.4	Bayaran interim/konsultan pada tahun 2007 adalah lebih banyak iaitu 12 pembayaran berbanding 4 pembayaran pada tahun 2006.
4.	Rancangan Mencegah Banjir	3.88	17.15	13.27	342.0	Lebih banyak projek disiapkan pada tahun 2007 iaitu 15 projek berbanding 7 projek pada tahun 2006.
5.	Program Menaiktaraf Paip Utama/ Agihan/ Retikulasi	2.70	15.46	12.76	472.6	Lebih banyak projek disiapkan pada tahun 2007 iaitu 11 projek berbanding 8 projek pada tahun 2006.
Jumlah		52.70	146.01	93.31	177.1	

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Tiga butiran perbelanjaan pembangunan yang menurun dengan ketara ditunjukkan di **Jadual 16**.

Jadual 16
Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Ketara Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Penyediaan Infrastruktur Untuk Palm Oil Industrial Cluster Lahad Datu	33.51	7.85	25.66	76.6	Projek ini merupakan projek sambungan daripada tahun 2006 dan kebanyakan pelaksanaan kerja telah dibuat dan dibayar pada tahun 2006.
2.	Kerja Kecemasan/Luar Jangka Bekalan Air Seluruh Sabah	16.74	7.79	8.95	53.5	Peruntukan berkurangan disebabkan 2 projek telah disiapkan pada tahun 2006.
3.	Jalan Raya Bandar Kota Kinabalu	18.73	11.66	7.07	37.7	Banyak pembayaran dibuat untuk kerja bagi Projek Menaiktaraf Jalan Damai, Kota Kinabalu pada tahun 2006 berbanding tahun 2007.
Jumlah		68.98	27.30	41.68	60.4	

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

b) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah

i) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air (Pengendalian & Penyenggaraan) merupakan Kumpulan Wang Amanah tidak aktif dan operasinya telah diberhentikan pada tahun 1996 dengan baki defisit sejumlah RM113.70 juta. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah mencarum RM5 juta menjadikan jumlah keseluruhan caruman untuk tempoh 5 tahun (2003 hingga 2007) berjumlah RM46.62 juta. Oleh itu, Kumpulan Wang ini telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan baki defisit sejumlah RM67.08 juta.


ii) Kumpulan Wang Luar Jangka

Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 11 Akta Acara Kewangan 1957 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengeluarkan dana daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi menampung keperluan terhadap perbelanjaan yang mustahak dan tidak dijangka di mana tiada peruntukan lain didapati untuk menampung perbelanjaan tersebut. Pada tahun 2007, pengeluaran dana sejumlah RM8.23 juta telah dibuat dari Kumpulan Wang Luar Jangka berbanding RM6.80 juta pada tahun 2006. Pengeluaran dana tersebut dibuat oleh 5 Kementerian/Jabatan/Pejabat antaranya untuk pengubahsuaian pejabat, perbelanjaan sempena sambutan perayaan bulan kemerdekaan dan perbelanjaan kemajuan sukan.

iii) **Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Dan Jambatan**

Kumpulan wang ini ditubuhkan pada awal bulan Januari 1994 untuk menyediakan kewangan dan pengawalan perakaunan yang akan dijalankan ke atas operasi dan penyenggaraan jalan raya dan jambatan Kerajaan Negeri. Baki akaun dan jumlah terimaan pemberian jalan raya Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun (2003-2007) adalah seperti di **Carta 6**.

Carta 6
Kedudukan Pemberian Jalan Raya Negeri
Daripada Kerajaan Persekutuan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini adalah RM56.23 juta berbanding RM33.33 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM22.90 juta atau 68.7%. Peningkatan baki Kumpulan wang ini adalah disebabkan oleh pertambahan pendapatan dari Pemberian Jalan Raya Negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM104.48 juta atau 44.89% menjadi RM337.19 juta berbanding RM232.71 juta pada tahun 2006. Walaupun jumlah perbelanjaan meningkat sejumlah RM7.79 juta atau 2.54% kepada RM314.32 juta pada tahun 2007 berbanding RM306.53 juta pada tahun 2006, namun jumlah terimaan jauh melebihi peningkatan jumlah perbelanjaan.

c) Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Peningkatan/penurunan perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2006 dan tahun 2007 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jabatan	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/(Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	Peratus
1.	Kota Kinabalu (Pelbagai)	471.11	415.81	(55.30)	(11.7)
2.	Jabatan Kerja Raya	27.62	35.57	7.95	28.8
3.	Jabatan Pertanian	16.38	12.95	(3.43)	(20.9)
4.	Jabatan Perhutanan	5.66	7.21	1.55	27.4
5.	Jabatan Tanah Dan Ukur	3.69	4.38	0.69	18.7
Jumlah		524.46	475.92	(48.54)	(9.3)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Lima Jabatan yang membuat perbelanjaan Akaun Kena Bayar terbesar pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Jabatan Pada Tahun 2007

Bil.	Kementerian/Jabatan	Perbelanjaan				
		Gaji	Berulang	Khas	Perbelanjaan Lain	Jumlah
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya	0.19	19.94	0.20	134.38	154.71
2.	Jabatan Air	0.25	11.39	14.86	56.22	82.72
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	0.03	7.79	0.70	13.81	22.33
4.	Jabatan Tanah Dan Ukur	0.23	2.31	1.40	14.40	18.34
5.	Jabatan Pertanian	0.10	0.70	0.02	12.65	13.47
Jumlah		0.80	42.13	17.18	231.46	291.57

Sumber : Rekod Jabatan Bendahari Negeri

Pada akhir tahun 2007, baki akaun ini berjumlah RM475.92 juta berbanding RM524.46 juta pada tahun 2006. Ini menunjukkan penurunan sejumlah RM48.54 juta atau 9.3%. Secara keseluruhannya, pembayaran yang dikenakan oleh 3 Jabatan Mengakaun Sendiri telah meningkat manakala pembayaran yang dikenakan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan (termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri jika amaun bayaran adalah melebihi RM50,000) dan satu Jabatan Mengakaun Sendiri telah menurun. Semakan Audit secara persampelan terhadap Baucar Bayaran Akaun Kena Bayar yang dibayar oleh Jabatan Bendahari Negeri, Jabatan Tanah Dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perhutanan telah dijalankan. Pemeriksaan Audit mendapati pembayaran sejumlah RM16.82 juta sepatutnya tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kena Bayar

kerana perbelanjaan untuk bekalan/perkhidmatan/tuntutan telah dibuat pada bulan November dan sebelumnya.

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Kumpulan Wang Khas dan Akaun Wang Amanah Pelbagai. Semakan Audit terhadap Kumpulan Wang Amanah Awam mendapati perkara berikut:

a) Kumpulan Wang Khas

Kumpulan Wang Khas adalah terdiri daripada akaun yang tidak aktif dan dilaburkan sebagai simpanan tetap. Pada tahun 2007, akaun ini berbaki RM50.01 juta. Sejumlah RM50 juta daripadanya merupakan peruntukan bagi Tabung Amanah Warisan Negeri Sabah yang diwujudkan dalam tahun 1996. Setakat akhir tahun 2007, Tabung tersebut masih belum beroperasi. Ini adalah disebabkan ahli Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab untuk membuat pelaburan dana tersebut belum dilantik sejak tahun 1999 sebagaimana yang dikehendaki oleh Arahan Amanah berkenaan.

b) Akaun Amanah Pelbagai

Akaun Amanah Pelbagai ditubuhkan untuk mengakaunkan caruman wang daripada badan-badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan di samping daripada peruntukan yang ditetapkan. Setiap Akaun Amanah dikawal oleh satu Arahan Amanah. Semakan Audit mendapati pada tahun 2007, Akaun Amanah Pelbagai adalah terdiri daripada 58 butiran. Baki keseluruhan akaun ini telah meningkat sejumlah RM65.82 juta atau 113.6% menjadi RM123.78 juta pada tahun 2007 berbanding RM57.96 juta pada tahun 2006. Penyumbang utama peningkatan ini disebabkan oleh penubuhan 5 Akaun Amanah Pelbagai baru pada tahun 2007 yang terdiri daripada Akaun Amanah Khas Pembasmian Kemiskinan, Bantuan Untuk Meningkatkan Taraf Kualiti Hidup Dan Membasmi Kemiskinan Di Kalangan Rakyat Sabah, Akaun Amanah Bantuan Pelajar Miskin, Pusat Kemahiran Dan Teknologi Sabah serta Tabung Amanah Pelancongan Dan Ekopelancongan Hidupan Liar berjumlah RM65.26 juta. Selain itu, Akaun Amanah Pelbagai yang mempunyai baki terbesar pada tahun 2007 adalah seperti berikut:

i) Projek Perhutanan Masyarakat

Akaun amanah ini telah diwujudkan melalui Arahan Amanah pada tahun 1988 bertujuan untuk mengakaun terimaan wang dan perbelanjaan dari syarikat pembalakan untuk pembangunan kawasan masyarakat setempat yang terlibat dalam kawasan konsesi pembalakan. Pada tahun 2007, akaun ini telah mencatat terimaan dan perbelanjaan masing-masing sejumlah RM4.15 juta dan RM930,095. Pada tahun 2007, Akaun Amanah ini mempunyai baki

sejumlah RM36.75 juta berbanding RM33.53 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.22 juta atau 9.6%.

ii) Akaun Amanah Khas Pembasmian Kemiskinan

Akaun amanah ini telah diwujudkan melalui Arahan Amanah tahun 2007 bertujuan untuk mengakaun terimaan dividen/sumbangan daripada Agensi Kerajaan Persekutuan iaitu FELDA dari semasa ke semasa. Pada tahun 2007, akaun amanah ini telah mencatat terimaan bersamaan dengan baki penutupan sejumlah RM30.48 juta kerana tidak ada perbelanjaan dilakukan.

iii) Bantuan Untuk Meningkatkan Taraf Kualiti Hidup Dan Membasmi Kemiskinan Di Kalangan Rakyat Sabah

Akaun amanah ini telah diwujudkan melalui Arahan Amanah tahun 2007 bertujuan untuk mengakaun bantuan kewangan berkaitan dengan program/aktiviti untuk meningkatkan taraf kualiti hidup dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Sabah. Golongan sasaran adalah terdiri daripada penduduk miskin, ibu tunggal, warga tua, orang kurang upaya serta usahawan/peniaga kecil. Pada tahun 2007, akaun amanah ini telah mencatat terimaan bersamaan dengan baki penutupan sejumlah RM20 juta kerana tidak ada perbelanjaan dilakukan.

iv) Pusat Kemahiran Dan Teknologi Sabah

Akaun amanah ini diwujudkan melalui Arahan Amanah tahun 2007 bertujuan untuk mengakaun terimaan wang dan perbelanjaan berkaitan dengan program Pusat Kemahiran Dan Teknologi Sabah. Pada tahun 2007, akaun ini telah mencatat terimaan bersamaan dengan baki penutupan sejumlah RM4.50 juta kerana tidak ada perbelanjaan dilakukan.

v) Program Mempelbagai Dan Menambah Pendapatan Petani Dan Nelayan


Akaun amanah ini telah diwujudkan melalui Arahan Amanah pada tahun 2005 bertujuan untuk mengakaun wang yang diterima untuk melaksanakan program mempelbagai dan menambah pendapatan petani, penternak dan nelayan. Pada tahun 2007, akaun ini telah mencatat terimaan dan perbelanjaan masing-masing sejumlah RM3.03 juta dan RM2.38 juta. Akaun amanah ini mempunyai baki sejumlah RM1.43 juta pada akhir tahun 2007 berbanding RM780,582 pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM648,133 atau 83%.

4.6.3 Akaun Deposit

Akaun Deposit yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai kegunaan maksudnya. Selain diwujudkan mengikut Arahan Amanah, ia juga wujud mengikut kandungan syarat kontrak. Pada akhir tahun 2007, baki deposit terdiri

daripada 55 akaun berjumlah RM359.17 juta. Jumlah ini meningkat sejumlah RM3.09 juta berbanding RM356.08 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan bagi Skim Pinjaman Perumahan Untuk Golongan Berpendapatan Rendah dan Cagaran Pengguna Air yang masing-masing berjumlah RM3 juta dan RM2.85 juta. Baki akaun Deposit bagi tempoh 5 tahun (2003-2007) adalah seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Baki Akaun Deposit Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Semakan Audit selanjutnya mendapati 4 akaun Deposit di bawah kawalan Jabatan Tanah Dan Ukur berjumlah RM57,324 tidak bergerak sejak tahun 1992 yang seperti di **Jadual 19**. Tindakan perwartaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162 telah disyorkan kepada Jabatan tersebut sekiranya deposit tersebut tidak diperlukan lagi.

Jadual 19
Baki Akaun Deposit Tidak Aktif/Bergerak

Bil.	Jabatan	Perihal	Tahun (Deposit Tidak Bergerak)	Jumlah (RM)
1.	Jabatan Tanah Dan Ukur	Deposit Bagi Pembalakan Atas Lesen Pemilik Sementara	1992	18,550
		Pembalakan Dalam <i>Grazing Reserve</i> Kampung Kaiduan Papar	1993	36,889
		Pengukuran Permohonan Tanah N.T Di Bawah Bahagian IV Bab 68	1993	492
		Pengukuran Sempadan Tanah Sabah Forest Industries Sdn. Bhd.	1993	1,393
Jumlah				57,324

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

4.7.1 Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai Kerajaan ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai adalah terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan terimaan lain. Manakala bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan modal dan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah mencatat penurunan wang tunai sejumlah RM2.54 juta berikutan jumlah bayaran melebihi jumlah terimaan.

4.7.2 Terimaan Kerajaan Negeri pada tahun 2007 adalah berjumlah RM3.41 bilion. Komponen terbesar daripada jumlah terimaan ini adalah terimaan hasil yang berjumlah RM2.78 bilion atau 81.5%. Komponen lain iaitu terimaan pinjaman berjumlah RM425.82 juta atau 12.5% dan terimaan lain berjumlah RM208.19 juta atau 6.1%. Terimaan hasil meningkat sejumlah RM518.16 juta atau 22.9% menjadi RM2.78 bilion pada tahun 2007 berbanding RM2.26 bilion pada tahun 2006. Manakala terimaan pinjaman dan terimaan lain masing-masing menurun sejumlah RM139.48 juta atau 24.7% dan RM114.78 juta atau 35.5% menjadi RM425.82 juta dan RM208.19 juta pada tahun 2007 berbanding RM565.30 juta dan RM322.97 juta pada tahun 2006.

4.7.3 Bayaran Kerajaan Negeri pada tahun 2007 pula adalah sejumlah RM3.42 bilion. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah perbelanjaan mengurus dan pembangunan masing-masing berjumlah RM1.70 bilion atau 49.7% dan RM1.40 bilion atau 40.9%. Selain itu, adalah bayaran bagi perbelanjaan modal berjumlah RM225.96 juta atau 6.6% dan bayaran balik pinjaman adalah RM97.05 juta atau 2.8%. Bayaran perbelanjaan mengurus, pembangunan dan bayaran balik pinjaman masing-masing meningkat sejumlah RM120.60 juta atau 7.7%, RM281.15 juta atau 25.2% dan RM50.83 juta atau 110% menjadi RM1.70 bilion, RM1.40 bilion dan RM97.05 juta pada

tahun 2007 berbanding RM1.58 bilion, RM1.11 bilion dan RM46.22 juta pada tahun 2006. Manakala bayaran untuk perbelanjaan modal menurun sejumlah RM186.89 juta atau 45.3% menjadi RM225.96 juta pada tahun 2007 berbanding RM412.85 juta pada tahun 2006.

4.7.4 Penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Butiran	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/(Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	Peratus
1.	Terimaan:	3,149.21	3,413.11	263.90	8.4
	<i>Hasil</i>	2,260.94	2,779.10	518.16	22.9
	<i>Pinjaman</i>	565.30	425.82	(139.48)	(24.7)
	<i>Terimaan Lain</i>	322.97	208.19	(114.78)	(35.5)
2.	Bayaran:	3,149.97	3,415.65	265.68	8.4
	<i>Perbelanjaan Mengurus</i>	1,575.96	1,696.56	120.60	7.7
	<i>Perbelanjaan Pembangunan</i>	1,114.94	1,396.08	281.14	25.2
	<i>Perbelanjaan Modal</i>	412.85	225.96	(186.89)	(45.3)
	<i>Bayaran Balik Pinjaman</i>	46.22	97.05	50.83	110.0
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai		(0.76)	(2.54)	(1.78)	(234.2)

Sumber : *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah*

4.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman boleh dituntut merupakan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Awam, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi lain yang masih belum dibayar balik. Pada tahun 2007, baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada 35 Agensi adalah berjumlah RM1.55 bilion berbanding RM1.53 bilion pada tahun 2006. Peningkatan sejumlah RM22.96 juta ini adalah disebabkan 5 pinjaman baru kepada 4 Agensi Peminjam berjumlah RM138.98 juta telah dibuat pada tahun 2007. Selain itu, bayaran balik pinjaman oleh Agensi adalah berjumlah RM116.02 juta. Sejumlah RM26.86 juta merupakan bayaran secara tunai manakala sejumlah RM55.20 juta, ditukar kepada ekuiti, RM31.36 juta dihapus kira dan sejumlah RM2.60 juta dikontra dengan bayaran sewa pejabat Kerajaan Negeri. Kedudukan pinjaman boleh dituntut Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Agensi Peminjam	Bil.	Tahun				
			2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	7	339.24	289.24	266.24	253.74	348.74
2.	Badan Berkanun	10	1,269.35	1,259.68	1,240.63	1,233.92	1,161.98
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	11	34.92	34.90	34.89	34.89	34.89
4.	Agensi Lain	7	8.16	7.92	7.71	7.53	7.43
Jumlah		35	1,651.67	1,591.74	1,549.47	1,530.08	1,553.04

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

Pada tahun 2007, sembilan Agensi peminjam membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM119.72 juta yang terdiri daripada bayaran pokok dan faedah masing-masing sejumlah RM116.02 juta dan RM3.70 juta. Dengan itu, tunggakan bayaran balik pinjaman menurun sejumlah RM46.85 juta atau 4% menjadi RM1.12 bilion berbanding RM1.17 bilion pada akhir tahun 2006. Kedudukan tunggakan ansuran bayaran balik oleh Agensi berkenaan adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2007

Bil.	Agensi Peminjam	Bil.	Baki Pada 1.1.2007 (RM Juta)	Bayaran Balik Semasa (RM Juta)	Jumlah Bayaran Balik Sepatutnya (RM Juta)	Bayaran Diterima (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Awam	7	262.19	5.22	267.41	40.00	227.41
2.	Badan Berkanun	8	852.03	67.11	919.14	79.62	839.52
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	11	44.23	0.06	44.29	-	44.29
4.	Agensi Lain	7	7.46	0.48	7.94	0.10	7.84
Jumlah		33	1,165.91	72.87	1,238.78	119.72	1,119.06

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Sabah

4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada 31 Disember 2007, Kerajaan Negeri melabur sejumlah RM2.94 bilion di 42 Perbadanan Awam dan 3 Badan Berkanun. Jumlah ini meningkat sejumlah RM362.18 juta atau 14% berbanding RM2.58 bilion pada akhir tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan baru di 19 Perbadanan Awam. Semakan Audit mendapati Pelaburan di 2 Perbadanan Awam berjumlah RM6.98 juta dibuat melalui bayaran secara tunai manakala pelaburan di 2 Perbadanan Awam lain berjumlah RM55.20 juta dibuat melalui pertukaran pinjaman kepada ekuiti. Selain itu, pelaburan di satu Perbadanan Awam berjumlah RM300 juta lagi dibuat melalui pertukaran dividen kepada ekuiti.

Semakan Audit selanjutnya mendapati pelaburan telah dilaksanakan masing-masing sejumlah RM556 juta dan RM2.38 bilion melalui Perbadanan Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri. Sehingga akhir tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menerima dividen berjumlah RM14.75 juta daripada 6 Perbadanan Awam dan satu Badan Berkanun.

Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Perbadanan/Syarikat	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Perbadanan Ketua Menteri						
1.	Sawit Kinabalu Berhad	249.00	249.00	249.00	249.00	549.00
2.	KKIP Sdn. Bhd.	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00
Jumlah		256.00	256.00	256.00	256.00	556.00
Kerajaan Negeri						
1.	Perbadanan Awam (40)	1,479.54	1,494.54	1,481.38	1,576.89	1,639.08
2.	Badan Berkanun (3)	747.48	747.48	747.48	747.48	747.48
Jumlah		2,227.02	2,242.02	2,228.86	2,324.37	2,386.56
Jumlah		2,483.02	2,498.02	2,484.86	2,580.37	2,942.56

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

4.8.3 Tunggakan Hasil

Pada akhir tahun 2007, tunggakan hasil negeri berjumlah RM448.66 juta iaitu menurun sejumlah RM1.42 juta atau 0.3% berbanding tunggakan pada tahun 2006 yang berjumlah RM450.08 juta. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil yang utama pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Tunggakan Hasil Mengikut Hasil Utama
Pada Tahun 2006 Dan 2007

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006	2007	(RM Juta)	Peratus
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Faedah Pinjaman	236.03	241.57	5.54	2.3
2.	Air	146.77	141.43	(5.34)	(3.6)
3.	Cukai Tanah	44.47	43.23	(1.24)	(2.8)
4.	Sewa Perkhidmatan Pembetulan	3.40	3.80	0.40	11.8
Jumlah		430.67	430.03	(0.64)	(0.1)

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil

Analisis Audit terhadap tunggakan hasil mendapati perkara berikut:

- a) Jumlah tunggakan hasil yang dilaporkan adalah termasuk tunggakan faedah pinjaman berjumlah RM241.57 juta berbanding RM236.03 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM5.54 juta atau 2.3%. Peningkatan disebabkan 24 daripada 33 Agensi Peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman pada tahun 2007.

- b) Tunggakan hasil air berjumlah RM141.43 juta pada tahun 2007 iaitu berkurangan sejumlah RM5.34 juta atau 3.6% berbanding RM146.77 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan usaha berterusan Jabatan Air dan peningkatan penguatkuasaan undang-undang seperti pemotongan bekalan pengguna air yang gagal menjelaskan bil.
- c) Tunggakan hasil cukai tanah menurun sejumlah RM1.24 juta atau 2.8% pada tahun 2007 menjadi RM43.23 juta berbanding RM44.47 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan usaha Jabatan Tanah Dan Ukur meningkatkan prestasi kutipan sewa tanah dengan pengeluaran notis di surat khabar meminta tuan punya tanah membayar sewa tanah dan mengujudkan perkhidmatan kaunter tambahan di Wisma Sabah.
- d) Tunggakan sewa perkhidmatan pementungan telah meningkat sejumlah RM396,481 atau 11.8% pada tahun 2007 menjadi RM3.80 juta berbanding RM3.40 juta pada tahun 2006. Ini disebabkan terimaan sewa pementungan pada tahun 2007 adalah menurun berbanding pada tahun 2006.

Butiran tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Faedah Pinjaman	220.21	226.59	229.28	236.03	241.57
2.	Air	172.92	166.50	161.61	146.77	141.43
3.	Cukai Tanah	31.34	31.83	34.67	44.47	43.23
4.	Sewa Perkhidmatan Pementungan	5.54	7.13	3.14	3.40	3.80
5.	Lain-lain Hasil	16.98	29.35	21.15	19.41	18.63
Jumlah		446.99	461.40	449.85	450.08	448.66

Sumber : Penyata Tunggakan Hasil

4.8.4 Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Semua hutang Kerajaan Negeri yang diterima pada tahun 2007 untuk projek tertentu telah dipindah ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan sebelum diagihkan. Baki hutang mengikut jenis pinjaman bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hutang	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	71.84	71.84	74.66	71.62	68.06
2.	Pembangunan Ekonomi Negeri	126.17	126.17	120.37	110.05	100.45
3.	Bekalan Air	244.47	292.72	509.32	990.81	1,274.10
4.	Pelbagai	320.11	297.25	295.87	351.25	437.26
Jumlah		762.59	787.98	1,000.22	1,523.73	1,879.87

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.88 bilion berbanding RM1.52 bilion pada akhir tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM356.13 juta atau 23.4%. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri menerima 11 pinjaman baru berjumlah RM425.82 juta bagi tujuan membiayai projek Bekalan Air dan pelbagai. Selain itu, faedah bagi satu pinjaman berjumlah RM14.95 juta telah dipermodalkan dan satu pinjaman bagi projek Bekalan Air berjumlah RM7 juta telah ditukarkan kepada geran. Pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM97.05 juta yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM77.63 juta dan faedah berjumlah RM19.42 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Dengan itu, tunggakan bayaran balik pinjaman menurun sejumlah RM33.40 juta atau 49.8% menjadi RM33.71 juta berbanding RM67.11 juta pada tahun 2006. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM31.59 juta merupakan ansuran bagi tahun 2007 dan selebihnya adalah ansuran dan tunggakan pinjaman bagi tahun 2005 dan 2006 yang masih belum dibayar.

5. RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah stabil dengan peningkatan lebih Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM585.50 juta menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM1.77 bilion pada tahun 2007 berbanding lebih sejumlah RM338.76 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri hendaklah terus berusaha mengutip tunggakan hasil berjumlah RM448.66 juta dan mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1.12 bilion pada tahun 2007. Kerajaan Negeri juga hendaklah terus mengamalkan perbelanjaan berhemat tanpa perlu menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

6.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Sabah untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Sabah. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Sabah mencapai status negeri maju pada tahun 2015.

6.2 Bagi menjayakan RMK-9 siling peruntukan asal yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM2.85 bilion. Bagaimanapun, pada tahun 2007 peruntukan RMK-9 disemak semula menjadi berjumlah RM5.42 bilion. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 Kementerian dan satu Jabatan. Pada tahun 2007, jumlah peruntukan yang diluluskan adalah RM1.68 bilion. Empat daripada 11 Kementerian/Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Kementerian Pembangunan Infrastruktur berjumlah RM889.62 juta atau 52.9%, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan berjumlah RM209.08 juta atau 12.4%, Jabatan Ketua Menteri berjumlah RM188.05 juta atau 11.2% serta Kementerian Pembangunan Perindustrian berjumlah RM177.82 juta atau 10.6%.

6.3 Secara keseluruhannya, pada akhir tahun 2007 hanya 2 Kementerian telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 50% iaitu Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat (66.3%) serta Kementerian Pembangunan Infrastruktur (58.6%). Satu Jabatan dan satu Kementerian membelanjakan 43.8% dan 40% daripada keseluruhan peruntukan, manakala 7 Kementerian telah membelanjakan antara 16.8% hingga 36.3% daripada keseluruhan peruntukan. Sejumlah RM2.51 bilion atau 46.3% daripada RM5.42 bilion telah dibelanjakan oleh 10 Kementerian dan satu Jabatan setakat Disember 2007. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9
Sehingga 31 Disember 2007

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 (Disemak)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007	Pencapaian
		(RM Juta)	(RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	557.69	244.36	43.8
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	269.50	107.69	40.0
3.	Kementerian Kewangan	246.97	41.37	16.8
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	1,032.19	372.94	36.1
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	2,572.26	1,507.62	58.6
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	135.97	36.02	26.5
7.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	46.18	15.14	32.8
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	44.99	16.32	36.3
9.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	426.25	146.20	34.3
10.	Kementerian Belia Dan Sukan	82.27	17.72	21.5
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	8.52	5.65	66.3
Jumlah		5,422.79	2,511.03	46.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah

6.4 Pada tahun 2007, sebanyak 11,526 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati 4 Kementerian mempunyai bilangan projek melebihi 100 projek bernilai RM4.01 bilion adalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Sebanyak 8,080 projek atau 70.1% daripada 11,526 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,854 projek telah disiapkan sepenuhnya, sebanyak 2,226 projek sedang dilaksanakan manakala 3,446 projek masih belum dimulakan lagi. Projek tersebut masih belum dimulakan kerana masih dalam peringkat kerja-kerja perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Kementerian/Jabatan	Status Pelaksanaan Projek					Jumlah
		Siap Sebenar	Sedang Dilaksanakan Dahulu Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	
1.	Jabatan Ketua Menteri	20	-	21	-	50	91
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5,696	-	1,956	-	2,549	10,201
3.	Kementerian Kewangan	-	-	1	-	1	2
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	41	-	118	3	41	203
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	58	14	54	16	661	803
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	13	-	10	5	88	116
7.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	10	-	3	1	22	36
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	4	1	4	7	14	30
9.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	6	-	1	4	9	20
10.	Kementerian Belia Dan Sukan	5	-	2	4	9	20
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	1	1	-	-	2	4
Jumlah		5,854	16	2,170	40	3,446	11,526

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

BAHAGIAN IV
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PENDAHULUAN

7.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti**. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah serta pengurusan aset dan

inventori. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk mengukur sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dijalankan dengan berkesan dan membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri melalui AI dengan menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah dan aset.
- c) Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di 9 Kementerian/Jabatan, empat Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Agensi Negeri. Di Kementerian/Jabatan terdiri daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan, Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Tekonologi Maklumat, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Pejabat Daerah Kudat dan Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN). Di Pihak Berkuasa Tempatan ialah Majlis Daerah Papar, Majlis Daerah Beluran, Majlis

Daerah Kinabatangan dan Majlis Daerah Lahad Datu. Manakala di Badan Berkanun Negeri ialah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) dan Majlis Ugama Islam Sabah.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Akauan Amanah dan Kumpulan Wang Amanah serta pengurusan aset dan inventori bagi tahun 2007. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

9.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006/2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh. Setiap aspek kawalan pengurusan kewangan dinilai menggunakan indikator dan subindikator berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan mengikut kehendak peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

10. JENIS KAWALAN

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 9 Kementerian/Jabatan, 4 Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 Agensi Negeri yang berkenaan adalah berdasarkan pengauditan terhadap jenis kawalan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan mengikut 6 jenis kawalan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN ORGANISASI

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga

perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.

- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubungan kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urusetia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah dilulus oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

iii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

iv) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi

sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan dikeluarkan melalui Pekeliling Kementerian Perbendaharaan Bilangan 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) dan Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 1/2005 (Cadangan Dan Pemeriksaan Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, 2006-2007). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia/Pegawai Kewangan Negeri.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari

31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan

dalam yang ditetapkan dalam oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana

pengurusan perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

10.5 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

a) Akaun Amanah Dan Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

10.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri/Surat Pekeliling Kementerian Kewangan/Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

a) Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan

syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.

- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggara secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007/Surat Pekeliling Kerajaan Negeri Sabah Bil. 2/2007, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

10.9 PENYATA KEWANGAN


Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentang di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Pejabat Daerah Kudat, Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna, Majlis Daerah Papar, Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO), Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan dan Majlis Daerah Beluran adalah baik. Manakala prestasi pengurusan kewangan di Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar, Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN), Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Majlis Daerah Kinabatangan, Majlis Daerah Lahad Datu dan Majlis Ugama Islam Sabah adalah pada tahap memuaskan. Tahap pencapaian

dan penarafan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8
Tahap Pencapaian Prestasi Pengurusan Kewangan
Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2007



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 15 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- a) Di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini sehingga isu-isu yang dibangkitkan oleh

pihak Audit tidak dapat dibincangkan dengan lebih fokus. Oleh itu, adalah disyorkan perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit diberi keutamaan oleh JKPA.

- b) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c) Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada 15 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri sahaja, Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di Kementerian/Jabatan/Agensi yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam (UAD) bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.
- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan UAD mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab.

BAHAGIAN V

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN NEGERI

13. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada separuh modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Ogos 2003 mengenai perkara di atas telah diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong pada bulan November 2003. Sehubungan dengan itu, Perintah Audit Akaun Syarikat 2004 telah diwartakan pada akhir bulan Januari 2004 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2007, pengauditan telah dijalankan terhadap 1 syarikat Kerajaan Negeri Sabah.

WARISAN HARTA SABAH SENDIRIAN BERHAD

14. LATAR BELAKANG

14.1 Warisan Harta Sabah Sendirian Berhad (Syarikat) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sabah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Ketua Menteri (Pemerbadanan) 1949. Syarikat telah diperbadankan sebagai syarikat berhad di Malaysia pada 6 April 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dan pada 15 September 1995 Syarikat telah bertukar kepada syarikat sendirian berhad. Syarikat mempunyai modal saham biasa dibenarkan berjumlah RM1 bilion dan modal saham diterbitkan dan berbayar berjumlah RM393 juta. Syarikat mempunyai tujuh syarikat subsidiari, tiga syarikat bersekutu dan melabur dalam 10 buah syarikat lain.

14.2 Aktiviti utama Syarikat adalah tertumpu pada bidang pelaburan dan pemaju hartanah. Objektif utama Syarikat adalah bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi pelbagai sektor perindustrian meliputi sektor hartanah, penyewaan kenderaan, telekomunikasi serta perbankan dan kewangan.

15. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Syarikat telah diurus dengan baik bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan serta memberikan pulangan yang menguntungkan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

16. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

16.1 Pengauditan dilaksanakan meliputi aspek latar belakang, pengurusan organisasi, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur, analisis kewangan dan pengurusan kewangan serta operasi/aktiviti syarikat bagi tahun 2005 hingga 2007.

16.2 Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum & Artikel (M&A) Syarikat, Akta Syarikat 1965, Manual Polisi Kerja, Penyata Kewangan, Pekeliling Syarikat, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, fail kesetiausahaan dan rekod serta dokumen berkaitan dengan pengurusan Syarikat.

17. PENEMUAN AUDIT

17.1 TADBIR URUS KORPORAT

17.1.1 Berdasarkan kepada perenggan 97 dan 98 (M&A), Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk mengurus syarikat dari segi pentadbiran, kewangan, operasi, pemasaran dan undang-undang syarikat. Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai 6 keahlian yang diketuai oleh seorang Pengerusi. Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 5 Tahun 2001 menetapkan pelantikan ahli Lembaga Pengarah mestilah mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati peraturan tersebut telah dipatuhi. Dari segi kelayakan dan pengalaman, semua ahli Lembaga Pengarah Syarikat adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman antaranya sebagai ahli politik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Peguam Besar Negeri Sabah dan ahli badan perakaunan.

17.1.2 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 5 Tahun 2001 juga menetapkan jumlah jawatan sebagai ahli lembaga pengarah Badan Berkanun, Agensi Kerajaan, anak-anak syarikat milik Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan dan syarikat milik Kerajaan yang boleh dipegang oleh pegawai Kerajaan sebagai wakil Kerajaan Negeri terhad kepada 5 sahaja. Semakan Audit mendapati salah seorang ahli Lembaga Pengarah tersebut juga menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada 8 Syarikat Berkaitan Kerajaan yang lain. Amalan ini tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

17.1.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diadakan dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan terkini syarikat dan pada masa yang sama mendapat pandangan serta nasihat ahli Lembaga Pengarah ke arah peningkatan dan pencapaian syarikat. Pada tahun 2005 hingga 2007, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 6 kali. Selain itu, *Circular Resolution* juga ada diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah bertujuan untuk mendapat persetujuan mengenai perkara penting yang berbangkit. Berdasarkan penelitian ke atas minit mesyuarat, pihak Audit mendapati keputusan yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah telah diambil tindakan

oleh pihak pengurusan syarikat. Selain itu, kehadiran ahli Lembaga Pengarah pada setiap mesyuarat juga adalah baik.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Syarikat adalah baik. Bagaimanapun seorang daripada ahli Lembaga Pengarah yang dilantik telah menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada 8 syarikat berkaitan Kerajaan yang lain dan keadaan ini tidak mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 5 Tahun 2001.

17.2 PERANCANGAN STRATEGIK

Perancangan strategik adalah penting bagi memandu Syarikat melaksanakan objektif dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Syarikat mempunyai perancangan strategik yang baik selaras dengan hala tuju. Antara langkah-langkah yang telah dibuat untuk mencapai matlamat perancangan strategik Syarikat adalah seperti berikut:

17.2.1 Bajet

Bajet tahunan perlu disediakan pada setiap tahun dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati perkara ini telah dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan sebarang perubahan terhadap bajet termasuk perbelanjaan melebihi peruntukan yang ditetapkan telah dilaporkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

17.2.2 Pembangunan Sumber Manusia

Perancangan pembangunan sumber manusia yang teratur mampu memperbaiki dan meningkatkan tahap kemahiran anggota yang menjalankan tugas. Pada tahun 2005 hingga 2007, bajet tahunan yang diluluskan untuk pegawai menghadiri seminar/kursus adalah sejumlah RM10,000 setiap tahun. Manakala perbelanjaan sebenar berjumlah RM2,150, RM4,375 dan RM3,590 masing-masing.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 14 kursus/latihan/seminar telah diberi kepada semua pegawai peringkat eksekutif dan 2 orang pegawai bukan eksekutif. Kursus/latihan/seminar tersebut merupakan anjuran pihak luar yang meliputi pelbagai bidang termasuk bidang perakaunan, percukaian dan pengurusan kewangan. Selain itu, satu seminar motivasi anjuran Syarikat juga dilaksanakan pada tahun 2007 yang dihadiri oleh semua kakitangan Syarikat.

17.2.3 Pengurusan Aktiviti/Operasi Syarikat

Sejajar dengan objektifnya sebagai pemegang syarikat pelaburan kepada Kerajaan Negeri Sabah, Syarikat telah memperolehi sejumlah saham tersiar harga dan saham tidak tersiar harga termasuk pelaburan aset dan ekuiti dalam industri penerbangan, industri perbankan dan kewangan, telekomunikasi, pelancongan dan khidmat kesihatan. Selain itu, Syarikat juga sedang bergiat aktif dalam sektor pembangunan hartanah dan pembinaan.

Sebanyak 5 projek usahasama telah dilaksanakan oleh Syarikat bersama syarikat lain iaitu projek apartmen kos sederhana dan bangunan industri ringan di Inanam, kedai/pejabat/hotel di Warisan Square dan 1Borneo, Projek Pembangunan Bekalan Air Daerah Sandakan-Pengurangan Air Tidak Terhasil dan syarikat konsesi yang menjalankan pemeriksaan kesihatan pekerja asing. Setakat bulan Disember 2007, status bagi 2 projek i didapati masih dalam pembinaan iaitu projek pembinaan 1Borneo dan projek Bekalan Air Daerah Sandakan. Dua projek pembinaan yang telah siap iaitu projek apartmen kos sederhana dan bangunan industri ringan di Inanam serta kedai/pejabat/hotel di Warisan Square. Bagi projek di Inanam terdapat baki 3 unit apartment yang belum dijual daripada sejumlah 48 unit yang dimiliki. Syarikat menjangka dapat menjual baki unit berkenaan dalam tahun 2008, manakala kesemua 9 unit bangunan industri ringan telah disewakan. Bagi projek pembinaan kedai/pejabat/hotel di Warisan Square, perjanjian usaha sama menjelaskan Syarikat akan menerima pulangan tunai RM11 juta dan pembayaran dilaksanakan secara berjadual sehingga bulan Disember 2008.

Pada pendapat Audit, aktiviti utama Syarikat sebagai syarikat pelaburan dengan pegangan saham dalam berbagai jenis industri adalah baik dan dapat mengurangkan risiko perniagaan. Bagaimanapun, projek usahasama yang dilaksanakan perlu dipantau bagi memastikan syarikat mendapat pulangan yang maksimum.


17.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bagi mencapai objektifnya, sesebuah organisasi hendaklah mempunyai sumber tenaga manusia yang mencukupi, berkecekapan dan berpengalaman supaya dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan berkesan.

17.3.1 Pentadbiran

Struktur pentadbiran organisasi Syarikat diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 8 pegawai iaitu seorang Pengurus Besar, 2 pegawai eksekutif, seorang setiausaha eksekutif, 3 pegawai bukan eksekutif dan seorang pemandu. Terdapat 3 Bahagian telah diwujudkan untuk menjalankan fungsi pengurusan dan pentadbiran iaitu Bahagian Pentadbiran, Kesetiausahaan serta Kewangan dan Hartanah. Struktur organisasi Syarikat adalah seperti **Carta 9**.

Carta 9
Carta Organisasi Syarikat



Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1985, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif mestilah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati perkara tersebut telah dipatuhi.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi Syarikat pada keseluruhannya adalah lengkap dan kemas kini yang menunjukkan hierarki jawatan dan bahagian dalam syarikat.

17.3.2 Perjawatan

Setakat bulan Disember 2007, status perjawatan anggota Syarikat yang telah diisi adalah berjumlah 9 jawatan yang terdiri daripada 2 jawatan pengurusan (A1 dan A3), 3 jawatan eksekutif (C1 hingga C2) dan 4 jawatan bukan eksekutif. Berdasarkan kedudukan perjawatan di atas dan maklumat dari pihak pengurusan korporat, status perjawatan Syarikat adalah mencukupi bagi melaksanakan tugas dan aktiviti syarikat. Sebarang tambahan jawatan dan pengambilan pekerja baru hanya akan dipertimbangkan apabila jawatan berkenaan amat diperlukan melalui proses yang ditetapkan dan perlu mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.

17.3.3 Kelayakan Dan Pengalaman

Pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman luas adalah penting untuk membantu membawa pulangan yang tinggi dan keuntungan yang besar kepada organisasi. **Jadual 30, 31 dan 32** menunjukkan butiran kelayakan, pengalaman dan usia pegawai eksekutif berkhidmat dalam Syarikat.

Jadual 30
Kelayakan Pegawai Eksekutif

Bil.	Jawatan	Gred	Kelayakan			Jumlah (Orang)
			Ijazah	Diploma	Lain-lain	
1.	Ketua Pegawai Eksekutif	A1	1	-	-	1
2.	Pengurus Besar	A3	1	-	-	1
3.	Eksekutif	C1	2	-	-	2
		C2	-	-	1	1
Jumlah			4	-	1	5

Sumber : Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Jadual 31
Pengalaman Kumpulan Eksekutif

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Pegawai Mengikut Tempoh Berkhidmat (Tahun)			Jumlah (Orang)
			< 5	5-10	> 10-15	
1.	Ketua Pegawai Eksekutif	A1	-	1	-	1
2.	Pengurus Besar	A3	-	1	-	1
3.	Eksekutif	C1	-	1	1	2
		C2	-	-	1	1
Jumlah			-	3	2	5

Sumber : Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Jadual 32
Kedudukan Usia Pegawai Eksekutif

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan Pegawai Mengikut Peringkat Usia (Tahun)			Jumlah (Orang)
			> 30-40	> 40-50	>50	
1.	Ketua Pegawai Eksekutif	A1	-	-	1	1
2.	Pengurus Besar	A3	-	-	1	1
3.	Eksekutif	C1	1	1	-	2
		C2	-	1	-	1
Jumlah			1	2	2	5

Sumber : Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya Syarikat mempunyai pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman bagi membawa syarikat mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, umur persaraan yang ditetapkan adalah 55 tahun bagi pegawai selain Ketua Pegawai Eksekutif manakala bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Ketua Pegawai Eksekutif telah mencapai usia 57 tahun dan Pengurus Besar telah mencapai umur 54 tahun. Tindakan perlu diambil untuk meneruskan perkhidmatan Pengurus Besar apabila mencapai usia 55 tahun atau sebaliknya bagi memastikan kesinambungan operasi syarikat.

Pada pendapat Audit, berdasarkan kepada jumlah anggota, kelayakan akademik, pengalaman dan faktor usia yang dimiliki oleh pegawai kumpulan pengurusan dan profesional, rangkaian tenaga kerja di peringkat pengurusan Syarikat adalah baik dan mampu untuk memandu ke arah mencapai objektif Syarikat.

17.4 PENGURUSAN OPERASI DAN KEWANGAN

Semakan Audit terhadap pengurusan organisasi Syarikat mendapati perkara berikut:

17.4.1 Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan untuk menentukan peraturan kewangan berkaitan terimaan, perbelanjaan, aset dan kenderaan, pelaburan, pembayaran dividen, pinjaman dan pelaporan dipatuhi.

a) Kawalan Terimaan

Sumber terimaan utama Syarikat adalah daripada pendapatan dividen, jualan hartanah yang dibangunkan dan yuran pengurusan. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2005, 2006 dan 2007 masing-masing berjumlah RM14.35 juta, RM19.62 juta dan RM75.25 juta. Semakan Audit terhadap kawalan terimaan mendapati perkara berikut:

i) Kuasa Memungut Hasil

Pengurusan kutipan hasil Syarikat dikendalikan oleh Bahagian Kewangan Dan Hartanah. Semakan Audit mendapati surat penurunan kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif kepada pegawai yang mengendalikan urusan hasil telah disediakan. Bagaimanapun, didapati pengasingan tugas tidak dilaksanakan bagi tanggungjawab menerima hasil, menyedia dan menandatangani resit bagi penjualan apartmen di mana ianya dilaksanakan oleh seorang pegawai sahaja iaitu Pegawai Eksekutif (Kewangan Dan Hartanah). Maklum balas pihak pengurusan menjelaskan bahawa pengasingan tanggungjawab menerima hasil, menyelia dan menandatangani resit berkenaan telah dilaksanakan dengan serta-merta.

ii) Kawalan Penggunaan Resit

Buku resit merupakan dokumen penting yang perlu dikawal dari aspek penyimpanan dan penggunaan. Buku resit yang diterima dan dikeluarkan perlu direkod ke dalam daftar dan disimpan di tempat yang selamat. Semakan Audit mendapati penyimpanan dan penggunaan resit adalah teratur. Semua resit yang diterima dan dikeluarkan telah direkodkan dalam daftar dan stok resit disimpan selamat dalam kabinet yang berkunci.

iii) Kemasukan Wang Ke Bank

Semua terimaan hendaklah dibankkan ke dalam akaun syarikat pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari yang berikutnya. Semakan Audit terhadap Penyata *Bank-In Slip* bagi bulan Oktober 2007 mendapati tidak ada berlaku kelewatan memasukkan hasil terimaan ke dalam bank.

iv) Penyata Penyesuaian Bank

Penyediaan penyata penyesuaian bank bulanan dilaksanakan bagi memastikan semua terimaan yang dimasukkan ke dalam bank telah diakaunkan oleh pihak bank dengan tepat dan kemas kini. Semakan yang dijalankan terhadap penyata penyesuaian bank bagi bulan Disember 2007 mendapati penyata penyesuaian bank telah disediakan dengan kemas kini.

v) Rekod Penerimaan

Semua penerimaan perlu dikeluarkan resit sebagai bukti penerimaan dan memudahkan penyediaan rekod perakaunan. Resit yang dikeluarkan hendaklah dalam nombor siri yang berturutan dan rekod perakaunan perlu dikemas kini setiap hari. Semakan Audit mendapati setiap terimaan disokong dengan resit yang dikeluarkan secara bersiri dan setiap transaksi terimaan dikemas kini dalam sistem komputer.

vi) Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut secara berkala sekurang-kurangnya setiap 6 bulan perlu dilaksanakan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas wang dalam jagaan seorang pegawai yang diamanahkan untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Pemeriksaan Audit terhadap peti besi yang ditempatkan dalam bilik Pengurus Besar mendapati ia digunakan untuk menyimpan dokumen berharga seperti geran tanah dan sijil-sijil saham dan satu daftar disediakan bagi merekodkan semua kandungan peti besi. Daftar pemeriksaan mengejut tidak diselenggara dan pemeriksaan mengejut tidak dijalankan terhadap kandungan peti besi.

Selain itu, anak kunci serta nombor kombinasi perlu disimpan oleh dua orang yang berasingan sebagai kawalan keselamatan peti besi. Pemeriksaaan lanjut mendapati selain daripada Pengurus Besar, terdapat seorang pegawai lain diberi tanggungjawab memegang salinan anak kunci serta mengetahui nombor kombinasi dan boleh membuka peti besi apabila diperlukan. Keadaan ini tidak menjamin keselamatan peti besi dan sukar mengesan pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan. Maklum balas Syarikat menjelaskan bahawa pihak pengurusan telah mengasingkan tugas pegangan anak kunci kepada Eksekutif Pentadbiran dan nombor kombinasi kepada Pengurus Besar dengan serta-merta manakala pemeriksaan mengejut terhadap kandungan peti besi akan dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap terimaan adalah baik.

b) Kawalan Perbelanjaan

Pengeluaran wang tunai sebenar Syarikat bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah masing-masing berjumlah RM11.26 juta, RM9.74 juta dan RM56.13 juta berbanding anggarannya masing-masing berjumlah RM3.87 juta, RM4.32 juta dan RM14.90 juta. Terdapat varian ketara berlaku pada tahun 2007 di mana perbezaan perbelanjaan sebenar melebihi anggaran berjumlah RM41.23 juta. Pertambahan pengeluaran tunai adalah melebihi 3 kali ganda daripada jumlah anggaran perbelanjaan disebabkan terutamanya oleh pembelian pelaburan tambahan. Semakan Audit mendapati perbelanjaan tersebut telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit selanjutnya terhadap kawalan perbelanjaan Syarikat mendapati perkara seperti berikut:-

i) Peraturan Meluluskan Pembayaran

Peraturan Meluluskan Perbelanjaan yang diluluskan melalui *Board Paper No:57/56* pada akhir bulan Jun 1996 berkenaan *Delegation Of Authority To Approve On General, Administrative And Capital Expenditure* menggariskan jumlah dan jenis perbelanjaan pentadbiran dan modal yang memerlukan kebenaran Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurus Besar.

Semakan terhadap baucar bayaran mendapati urusan pembayaran dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan Dan Hartanah. Baucar bayaran disediakan oleh kerani akaun dan disahkan oleh Pegawai Eksekutif Bahagian Kewangan Dan Hartanah dan diluluskan/disokong oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar atau perbelanjaan khas melalui Ahli Lembaga Pengarah berdasarkan had kuasa yang dibenarkan. Pemeriksaan Audit terhadap baucar bayaran mendapati semuanya adalah teratur.

ii) Kuasa Menandatangani Cek

Kuasa menandatangani cek diberikan secara bertulis kepada pegawai yang dibenarkan mengikut had tertentu sebagai langkah kawalan perbelanjaan dan kewangan. Semakan Audit mendapati kebenaran kepada pegawai untuk menandatangani cek telah dinyatakan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 52 bertarikh 17 Januari 2008 dan contoh tandatangan telah dikemukakan kepada bank yang berkenaan. Pemberian kuasa untuk menandatangani cek telah disediakan dengan teratur.

iii) Panjar Wang Runcit

Syarikat memperuntukkan Panjar Wang Runcit yang dibenarkan berjumlah RM1,000. Bagaimanapun garis panduan tidak disediakan mengenai tatacara pengurusan Panjar Wang Runcit. Tuntutan balik perbelanjaan melalui Panjar

Wang Runcit adalah menggunakan borang permohonan khas yang diisi oleh pemohon dan diperiksa/diluluskan oleh Pegawai Eksekutif (Kewangan Dan Hartanah) dan Pengurus Besar. Urusniaga tersebut direkodkan ke dalam buku secara manual oleh Pegawai Eksekutif (Kewangan Dan Hartanah) dan ke sistem perakaunan oleh kerani akaun. Semakan mendapati urusan dan tuntutan melalui Panjar Wang Runcit adalah disokong dengan dokumen yang lengkap dan ditandatangani oleh Pegawai Eksekutif serta bayaran balik kepada penuntut dibuat dalam tempoh seminggu. Meskipun Panjar Wang Runcit diuruskan dengan terkawal adalah disyorkan agar Syarikat menyediakan garis panduan/tatacara pengurusan Panjar Wang Runcit untuk rujukan dan pemantauan. Maklum balas pihak pengurusan menjelaskan bahawa garis panduan tatacara penggunaan panjar wang runcit telah disediakan dan dikuatkuasakan dengan serta-merta.

iv) Daftar Bil/Invois

Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat ada menyelenggara Daftar Bil/Invois bagi merekod bil/ invois yang diterima. Bil/invois yang diterima daripada pembekal, dicap tarikh terimaan dan diproses untuk pembayaran. Semakan lanjut mendapati bil dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh terima.

v) Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Perenggan 4, Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada 10 Jun 1993. Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan YAB Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan. Cadangan tersebut perlu merangkumi cadangan bayaran bonus kepada semua kakitangan syarikat induk dan syarikat subsidiari berasaskan kepada prestasi setiap syarikat yang diperakukan untuk bayaran bonus.

Semakan Audit mendapati pembayaran bonus Syarikat bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah pada kadar 3 bulan gaji yang berjumlah RM248,283, RM342,510 dan RM506,356 masing-masing. Cadangan pembayaran bonus diusulkan melalui *board paper* yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat serta dipersetujui dan disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Cadangan tersebut seterusnya diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan lanjut mendapati cadangan pembayaran bonus tidak dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Perkara ini adalah tidak mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.

vi) Yuran, Elaun Dan Keistimewaan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada 6 ahli termasuk Pengerusi. Surat Pekeliling Am (Perbendaharaan Malaysia) 1980 menyatakan bahawa semua gaji, faedah, keistimewaan dan saguhati kepada ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat yang mana Kerajaan mempunyai kepentingan hanya boleh ditetapkan setelah mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati bayaran yuran, elaun dan keistimewaan yang diberikan kepada ahli Lembaga Pengarah telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) syarikat yang diwakili oleh YAB Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

vi) Kawalan Perolehan

Perolehan Syarikat adalah berdasarkan *Board Paper No. 57/96* bertarikh 22 Jun 1996 bertajuk *Delegation of Authority to Approve on General, Administrative and Capital Expenditure* di mana nilai tender bagi perbelanjaan modal bernilai tidak melebihi RM100,000 diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, manakala melebihi nilai tersebut adalah melalui kelulusan Lembaga Pengarah.

Semakan Audit mendapati panggilan tender atau pun sebut harga tidak dibuat bagi tempoh 3 tahun iaitu bagi tahun 2005 hingga 2007. Semakan lanjut mendapati Syarikat tidak mempunyai peraturan khusus berkaitan pengurusan sebut harga dan tender. Peraturan sedia ada hanya menyatakan nilai perolehan dan had melulus bagi sesuatu panggilan tender tetapi cara pengurusannya seperti tempoh notis tender, bilangan minimum penender, kriteria penender, pewujudan Jawatankuasa Tender dan sebagainya tidak ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pematuhan perbelanjaan khususnya mengenai bonus perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada YAB Ketua Menteri. Selain itu, tatacara sebut harga/tender perlu diwujudkan.

c) Pengurusan Aset Dan Kenderaan

i) Daftar Aset

Daftar Aset diselenggara bagi merekodkan harta modal syarikat seperti tanah, bangunan, kenderaan serta alat dan kelengkapan pejabat. Semakan Audit mendapati daftar aset diselenggara oleh Bahagian Kewangan Dan Hartanah dan mengandungi maklumat lengkap seperti jenis, kos, susut nilai, susut nilai terkumpul dan nilai buku bersih.

ii) Pemeriksaan Aset

Syarikat tidak menubuhkan unit atau jawatankuasa bagi menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset. Pihak Audit dimaklumkan setiap aset adalah

di bawah tanggungjawab pegawai masing-masing. Jika berlaku kerosakan pada aset berkenaan adalah menjadi tanggungjawab masing-masing melaporkan kerosakan kepada Bahagian Pentadbiran. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga dilakukan oleh firma audit swasta bagi pembelian kelengkapan dan peralatan pejabat baru dalam tahun kewangan yang diaudit.

iii) Pelupusan Aset

Keputusan Lembaga Pengarah seperti dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-6 yang diadakan pada pertengahan bulan Jun 1996 membenarkan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar dan Pengurus Pentadbiran meluluskan pelupusan aset mengikut had yang telah ditetapkan iaitu bagi kelengkapan dan peralatan yang dibeli pada harga RM20,000 adalah di bawah kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif manakala Pengurus Besar atau Pengurus Pentadbiran boleh meluluskan pelupusan bagi pembelian bernilai RM3,000 bagi kelengkapan dan RM4,000 bagi peralatan.

Semakan Audit mendapati pelupusan terakhir adalah pada tahun 2005 iaitu pelupusan terhadap peralatan pejabat dengan nilai buku bersih berjumlah RM4,870.

iv) Pengurusan Kenderaan

Syarikat mempunyai 3 buah kenderaan jenis pacuan 4 roda iaitu 2 buah *Toyota Land Cruiser* dan sebuah *Toyota Hilux*. Pihak Audit mendapati urusan penggunaan dan penyenggaraan kenderaan syarikat adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pentadbiran manakala perbelanjaan bahan api di bawah kawalan Bahagian Kewangan Dan Hartanah. Semakan lanjut Audit terhadap pengurusan kenderaan adalah seperti berikut:-

- **Fail Kenderaan**

Syarikat menyelenggara fail kenderaan miliknya dengan baik iaitu maklumat berkaitan dengan kenderaan berkenaan seperti kad kenderaan asal, salinan cukai jalan dan salinan insurans komprehensif kenderaan ada disimpan dalam fail masing-masing. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati rekod dan bil berkaitan penyenggaraan kenderaan tidak ada disimpan dalam Fail Kenderaan. Ketiadaan rekod dan bil penyenggaraan kenderaan akan menyukarkan pihak Syarikat membuat pemantauan.

- **Buku Log Kenderaan**

Mengikut *Employment Policy Manual, Part 5: Company Property, Issuance & Control*, di bawah perkara 5.02 : *Company Vehicle*, buku Log perlu diselenggara bagi setiap kenderaan gunasama (*pool*) Syarikat dengan mencatatkan nama pemandu, tujuan, destinasi, tarikh dan masa perjalanan, bacaan odometer sebelum dan selepas digunakan serta tandatangan pemandu atau pengguna kenderaan berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat ada menyelenggara buku log bagi kenderaan SAA 9123

N dengan lengkap dan kemas kini. Manakala bagi kenderaan SAA 44 N, pihak Audit dimaklumkan buku log tidak diselenggara kerana kenderaan berkenaan hanya digunakan khas untuk orang kenamaan (VIP) menghadiri majlis atau mesyuarat rasmi dan melawat tapak projek. Ketiadaan buku log bagi kenderaan SAA 44 N adalah tidak mematuhi peraturan di atas kerana kenderaan berkenaan digunakan untuk tujuan rasmi Syarikat. Maklum balas pihak pengurusan menjelaskan bahawa penggunaan buku log kenderaan telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan serta-merta.

- **Rekod Pengambilan Minyak**

Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat tidak ada menyediakan analisis ringkasan bulanan pengambilan minyak. Pihak Audit mendapati rekod pengambilan minyak ada dicatatkan dalam panjar wang runcit Syarikat, manakala penggunaan bulanan minyak boleh disemak melalui transaksi bulanan akaun *Fuel, Lubricant & Maintenance* Syarikat. Semakan Audit mendapati kadar penggunaan minyak bulanan secara purata bagi kenderaan gunasama Syarikat adalah berjumlah RM818 bagi tahun 2005 hingga 2007. Syarikat perlu menyediakan analisis ringkasan pengambilan minyak pada setiap bulan dan disimpan dalam fail kenderaan masing-masing bagi memastikan pengambilan minyak adalah teratur.

- **Perlindungan Insurans Kenderaan**

Pemeriksaan Audit mendapati semua kenderaan milik Syarikat dilindungi dengan polisi insurans komprehensif dan diperbaharui setiap tahun.

- **Pelupusan Kenderaan**

Keputusan Lembaga Pengarah seperti dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-6 yang diadakan pada pertengahan bulan Jun 1996 memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif meluluskan pelupusan kenderaan bagi kenderaan yang dibeli pada harga kos sehingga RM200,000. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 dan 2007, tidak ada pelupusan kenderaan dilakukan, manakala pada tahun 2006, Syarikat melupuskan kenderaan jenis Perodua Kembara yang berharga RM54,120 dengan menjualnya kepada syarikat subsidiari iaitu *Common Tower Technologies* Sdn. Bhd. dengan harga RM30,000. Pelupusan kenderaan ini adalah mematuhi peraturan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah memuaskan. Pengurusan aset boleh dipertingkatkan terutamanya dari aspek tanda pengenalan, pemeriksaan tahunan, fail penyenggaraan kenderaan dan analisis penggunaan minyak.

d) Kawalan Pelaburan

Pelaburan saham merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh pengurusan Syarikat dalam usaha menjana pendapatan syarikat. Syarikat telah melabur dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan saham amanah yang dijangka mendapat pulangan yang baik dalam bentuk dividen.

i) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Terdapat 6 syarikat subsidiari di bawah Syarikat, namun hanya 4 syarikat yang masih aktif menjalankan aktiviti dan 2 syarikat lagi tidak aktif. Jumlah pelaburan dan pendapatan syarikat subsidiari bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Pelaburan Dan Pendapatan Syarikat Subsidiari

Bil.	Syarikat Subsidiari	Jumlah Pelaburan (Unit Saham)	Peratus Pegangan (%)	Keuntungan/ (Rugi) Kasar Sebelum Cukai		
				2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
1.	WHSB Property Development S/B	750,000	100	46,913	(152,443)	(82,396)
2.	WHSB Nominee (Tempatan) S/B	1.5 juta	100	(16,009) Tidak aktif	312 Tidak aktif	Tidak aktif
3.	WHSB Trading	500,000	100	533,324	972,917	1,252,308
4.	WHSB Plantation S/B	100,000	100	(809) Tidak aktif	Tidak aktif	Tidak aktif
5.	Angkatan Hebat S/B	6.3 juta	70	2,250,312	4,187,498	5,129,263
6.	Common Tower Technologies S/B	300,000	70	(245,956)	909,242	1,652,972

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Pendapatan dividen tidak diterima daripada syarikat subsidiari pada tahun 2005, manakala bagi tahun 2006 dan 2007 adalah berjumlah RM5.60 juta dan RM9.83 juta. Dividen pada tahun 2006 diterima daripada Angkatan Hebat Sdn. Bhd. Pada tahun 2007 dividen diterima daripada WHSB Trading Sdn. Bhd., Angkatan Hebat Sdn. Bhd. dan *Common Tower Technologies* Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM2.13 juta, RM7.67 juta dan RM0.03 juta.

ii) Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Jumlah pelaburan dalam syarikat bersekutu pula adalah seperti **Jadual 34**.

Jadual 34
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Bil.	Jenis Saham	Maklumat	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
1.	Tersiar Harga	Jumlah Pelaburan	252,715,405	232,715,405	232,715,405
		<i>Impairment Losses</i>	(80,584,759)	(80,584,759)	-
		Nilai Buku	172,130,646	152,130,646	232,715,405
		Nilai Pasaran	135,457,504	121,511,479	446,848,664
2.	Tidak Tersiar Harga	Jumlah Pelaburan	38,530,000	38,530,000	38,530,000
		<i>Impairment Losses</i>	(14,999)	(14,999)	(14,999)
		Nilai Buku	38,515,001	38,515,001	38,515,001

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Syarikat bersekutu terdiri daripada *Suria Capital Holdings* Bhd. (SCHB), *Borneo Housing Mortgage Finance* Bhd. (BHMFB) dan *Tawau Medical Centre* Sdn.

Bhd. (TMC) dengan peratus pegangan saham masing-masing 46 peratus, 50 peratus dan 30 peratus. TMC tidak menyumbang pendapatan dividen kepada Syarikat. Pendapatan dividen daripada SCHB pada tahun 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM11.95 juta. Dividen daripada BHMFB pula bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah berjumlah RM9.48 juta setiap tahun.

iii) Pelaburan Lain

Syarikat juga telah melabur dalam unit amanah dan pasaran saham lain di mana kos pelaburan bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah masing-masing RM233.47 juta, RM219.10 juta dan RM256.46 juta. Jumlah ini termasuk RM2 juta yang dilabur dalam *structured* deposit jangka panjang pada tahun 2007. Jumlah kos, nilai buku dan nilai pasaran pelaburan lain pada tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Pelaburan Lain

Jenis Pegangan Saham	Tahun					
	2005 (RM juta)		2006 (RM juta)		2007 (RM juta)	
Saham Tersiar Harga						
Kos	228.26	228.26	118.29	118.29	155.92	155.92
Tolak:						
Elaun rosot nilai		(136.06)		(19.82)		(22.23)
Nilai Buku		92.20		98.47		133.69
Nilai Pasaran		94.62		157.04		256.60
Saham Tidak Tersiar Harga						
Kos	1.54		97.54	97.54	97.54	97.54
Tolak:						
Elaun rosot nilai				(96.00)		(96.00)
Nilai Buku				1.54		1.54
Unit Amanah						
Kos	3.67		3.27		1.00	
Nilai Pasaran		3.01		3.00		1.18
Structured Deposit Jangka Panjang	-		-		2.00	
Kos Pelaburan	233.47		219.10		256.46	

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Berdasarkan **Jadual 35**, pada tahun 2007 syarikat telah meningkatkan pelaburan lain dalam saham tersiar harga kepada RM155.92 juta (2006: RM118.29 juta) iaitu peningkatan RM37.63 atau 32%. Walaupun terdapat elaun rosot nilai terhadap saham berkenaan namun nilai pasaran saham tersiar harga adalah lebih tinggi 65% berbanding harga kos.

Bagi saham tidak tersiar harga pelaburan lain, tiada pertambahan pegangan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 iaitu berjumlah RM97.54 juta. Bagaimanapun, sejumlah RM96 juta saham tidak tersiar harga pelaburan lain diperuntukkan elaun rosot nilai 100% setelah dinyahsenaraikan daripada Bursa Malaysia menjadikan nilai buku saham tidak tersiar harga pada tahun 2007 adalah berjumlah RM1.54 juta. Disamping itu, Syarikat juga telah melupuskan

sejumlah RM2.27 juta unit amanah daripada RM3.27 juta dalam tahun 2006 kepada RM1 juta dalam tahun 2007. Nilai pasaran unit saham pada tahun 2007 adalah lebih tinggi iaitu 18% berbanding harga kos. Selain itu Syarikat juga telah membuat *structured* deposit jangka panjang di syarikat kewangan dalam tahun 2007 yang berjumlah RM2 juta.

Jadual 36
Pendapatan Dividen Pelaburan Lain

Jenis Pegangan Saham	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
Saham Tersiar Harga	1,253,204	41,224	16,215
Saham Tidak Tersiar Harga	-	34,580	-
Unit Amanah	-	-	166,179
Jumlah	1,253,204	75,804	182,394

Sumber: Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.

Berdasarkan **Jadual 36**, Pendapatan dividen yang diperolehi daripada pelaburan lain Syarikat bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah masing-masing berjumlah RM1.25 juta, RMM 0.08 juta dan RM 0.18 juta.

iv) Polisi/Peraturan Pelaburan

Bagi menentukan pelaburan Syarikat dipantau dengan teratur, satu jawatankuasa berhubung dengan pelaburan hendaklah ditubuhkan. Setiap pelaburan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa berkenaan untuk pertimbangan dan penilaian sebelum dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan sebaliknya pihak pengurusan akan membentangkan cadangan pelaburan yang pada pendapatnya berpotensi memberi pulangan yang baik kepada Syarikat untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif dibenarkan membuat pelaburan Unit Amanah dan membeli serta menjual saham tersiar harga dengan jumlah maksima RM2 juta seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui mesyuarat pada 17 Ogos 2000.

v) Pemantauan Atas Syarikat Subsidiari

Adalah menjadi hasrat Syarikat Berkaitan Kerajaan untuk menentukan syarikat subsidiarinya dapat menyumbang kepada pendapatan kumpulan serta boleh terus menjalankan aktiviti dengan lancar. Prestasi kewangan syarikat subsidiari turut memberi kesan kepada kewangan Syarikat dan ditunjukkan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Syarikat. Pemantauan terhadap syarikat subsidiari perlu bersistematik dan syarikat subsidiari perlu membentangkan laporan akaun yang telah diaudit dalam Mesyuarat Agong Tahunan masing-masing. Pemeriksaan Audit mendapati syarikat subsidiari telah membentangkan laporan tahunan di Mesyuarat Agong masing-masing. Selain

itu, Syarikat juga melantik 2 orang wakilnya dalam setiap syarikat subsidiari untuk mengawasi operasinya.

Pada pendapat Audit, kawalan pelaburan adalah baik. Syarikat mendapat pulangan dividen yang menggalakkan daripada pelaburan yang dilaksanakan.

e) Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan. Jumlah dividen yang perlu dibayar ialah sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan termasuk keuntungan luar biasa. Perenggan 7.1.1 pekeling berkenaan menyatakan bahawa Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu memastikan semua lapisan syarikat subsidiari dan bersekutu membayar dividen kepada Syarikat Induk masing-masing agar Syarikat Induk dapat membuat bayaran dividen kepada pemegang sahamnya. Manakala Perenggan 7.1.7 pekeling tersebut menyatakan bahawa Syarikat Induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak membayar dividen perlu mengemukakan sebab dividen tidak dibayar kepada Kementerian Kewangan.

Semakan Audit mendapati bagi tahun kewangan 2005 dan 2006, dividen telah diisytiharkan dan dibayar oleh Syarikat kepada Kerajaan Negeri Sabah masing-masing berjumlah RM8 juta dan RM10 juta, manakala dividen yang telah diisytiharkan bagi tahun kewangan 2007 adalah berjumlah RM12 juta.

Pada pendapat Audit, Syarikat telah menyumbang pendapatan Kerajaan Negeri Sabah selaku pemegang saham melalui pemberian dividen.

f) Pengurusan Pinjaman

Semua pinjaman daripada mana-mana sumber perlu diselesaikan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman. Semakan Audit terhadap penyata kewangan syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 mendapati tidak ada baki pinjaman ditunjukkan di penyata tersebut. Semakan Audit selanjutnya terhadap dua dokumen perjanjian mendapati Syarikat telah membuat pinjaman daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Syarikat Kewangan masing-masing berjumlah RM20 juta pada awal bulan September 1999 dan RM336,000 pada akhir bulan Ogos 2004. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-

i) Pinjaman Daripada Kerajaan Negeri

Mengikut perjanjian, Kerajaan Negeri Sabah meminjamkan RM20 juta kepada Syarikat untuk membeli saham Suria Capital Holdings Berhad daripada Saham Sabah Berhad sebanyak 9.6 juta unit saham pada harga RM2.08 seunit. Tempoh pinjaman adalah 8 tahun dikira bermula dari 31 Disember 1998 dan dikehendaki membayar sekali gus dalam masa 60 hari sebelum tamat tempoh

pinjaman iaitu pada 31 Disember 2006. Syarikat telah menjelaskan hutang tersebut pada 20 Oktober 2006 seperti yang dikehendaki dengan memindah 9.6 juta unit saham Suria Capital Holdings Berhad kepada Kerajaan Negeri Sabah.

ii) Pinjaman Daripada Syarikat Kewangan

Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya pada pertengahan bulan Julai 2004 telah meluluskan peruntukan untuk membeli kenderaan bagi kegunaan Pengerusi Syarikat yang berharga RM378,000. Selepas bayaran pendahuluan sejumlah RM12,000, Syarikat telah memeterai perjanjian pinjaman berjumlah RM366,000 dengan syarikat kewangan tersebut dengan bayaran balik berjumlah RM5,334 sebulan selama 84 bulan dan bulan terakhir berjumlah RM5,262. Bagaimanapun, pada pertengahan bulan Januari 2008 Lembaga Pengarah telah meluluskan bayaran sekali gus baki pinjaman berjumlah RM234,344 selepas ditolak rebat yang berjumlah RM27,006. Mengikut penyata *early settlement* yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan terlibat, bayaran tersebut telah dibuat pada pertengahan bulan Julai 2007.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Syarikat adalah baik di mana setiap urusan berkaitan pinjaman dirujuk dan mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, kelulusan bayaran balik baki pinjaman dibuat sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah hendaklah dielakkan pada masa akan datang.

g) Pelaporan Kepada Kerajaan Negeri Sabah Dan Lembaga Pengarah Syarikat

i) Pelaporan Kepada Kerajaan Negeri Sabah

Mengikut *Article 124 Memorandum & Articles Of Association* menyatakan Syarikat perlu menghantar laporan suku tahun kepada Kerajaan Negeri Sabah mengenai aktiviti dan prestasi Syarikat atau pada bila-bila masa apabila diminta oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Pemeriksaan Audit terhadap fail Syarikat dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan lain-lain agensi Kerajaan mendapati pada tahun 2005 hingga 2007, Syarikat ada menghantar laporan kepada Kementerian Kewangan, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pengurusan Agensi Awam dan Pelaburan Negeri serta Jabatan Bendahari Negeri Sabah mengenai prestasi aktiviti dan kewangan Syarikat. Antaranya seperti senarai Lembaga Pengarah Syarikat termasuk syarikat subsidiari, ekuiti dan saham Kerajaan Negeri, prestasi kewangan serta aktiviti pelaburan dan perkembangan operasi projek Syarikat.

ii) Pelaporan Kepada Lembaga Pengarah Syarikat

Perenggan 4.7.1(ii), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, menyatakan setiap syarikat milik Kerajaan dikehendaki membuat laporan

prestasi kewangan dan analisis yang mendalam mengenainya untuk dibentangkan sekurang-kurangnya empat kali setahun kepada Lembaga Pengarah Induk.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2005 hingga 2007 mendapati antara agenda mesyuarat dan laporan yang dibentangkan adalah mengenai prestasi kewangan syarikat, aktiviti pelaburan, usahasama dan projek yang dijalankan oleh Syarikat dan subsidiari, bayaran bonus serta skim kenaikan gaji kakitangan. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tahun 2005 hingga 2007, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 6 kali. Laporan prestasi kewangan tidak dibentangkan sekurang-kurangnya 4 kali setahun kepada Lembaga Pengarah sebagaimana ditetapkan dalam pekeliling berkenaan.

Pada pendapat Audit, pelaporan Syarikat adalah memuaskan.

17.5 PENGURUSAN RISIKO

Dalam menguruskan perniagaan, pengurusan Syarikat perlu mengetahui keupayaan dan hala tuju syarikat. Untuk itu, pelan pengurusan risiko perlu diwujudkan bagi mengenal pasti risiko yang dihadapi serta mengatur strategi untuk menangani dan mengurangkan kesannya terhadap pelaksanaan aktiviti Syarikat. Pemeriksaan Audit mendapati unit/pelan pengurusan risiko tidak diwujudkan. Bagaimanapun, Syarikat membuat pemantauan perjalanan aktiviti Syarikat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan pentadbiran pihak pengurusan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif serta penubuhan Jawatankuasa seperti berikut:

17.5.1 Jawatankuasa

Syarikat telah menubuhkan 2 Jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Pemeriksaan Audit dan Jawatankuasa Disiplin. Jawatankuasa Pemeriksaan Audit dipengerusikan oleh salah seorang Lembaga Pengarah Syarikat dan dianggotai oleh 3 anggota terdiri daripada Lembaga Pengarah Syarikat dan pegawai daripada kumpulan pengurusan dan profesional.

Bagi memastikan setiap Jawatankuasa melaksanakan fungsinya dengan berkesan, perancangan perlu dibuat dengan menetapkan kekerapan bermesyuarat. Setiap keputusan mesyuarat juga perlu direkod dengan teratur bagi memudahkan pemantauan dibuat terhadap tindakan yang perlu dilaksanakan.

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan Audit menunjukkan mesyuarat dijalankan sekali setahun. Jawatankuasa ini melaksanakan fungsinya dengan baik dan minit mesyuarat direkod dengan teratur. Bagi tahun 2005 hingga 2007, tiada mesyuarat Jawatankuasa Disiplin dibuat. Kali terakhir jawatankuasa bermesyuarat adalah pada tahun 2002 dan mesyuarat akan dibuat sekiranya terdapat keperluan bagi membincangkan hal berkaitan disiplin.

Pada pendapat Audit, pelan pengurusan risiko tidak memuaskan. Syarikat perlu mewujudkan dan menyediakan pelan pengurusan risiko dan dibincangkan di peringkat pengurusan sebelum dikemukakan dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah sebagai satu langkah bagi meminimumkan kesan negatif terhadap syarikat. Selain itu, jadual mesyuarat perlu dirancang bagi menentukan kekerapan serta agenda mesyuarat. Pihak pengurusan perlu sentiasa memantau keberkesanan Jawatankuasa yang diwujudkan bagi memastikan Jawatankuasa tersebut memainkan peranan dengan lebih cekap dan berkesan dalam membantu meningkatkan tahap pengurusan dan operasi syarikat.

17.6 ANALISIS KEWANGAN

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun 2006 dan tahun 2007.

17.6.1 Analisis Terhadap Perkara Signifikan

Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 mendapati Syarikat memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM155.69 juta. Peningkatan keuntungan adalah sejumlah RM124.38 juta berbanding keuntungan sebelum cukai pada tahun 2006 yang berjumlah RM31.31 juta iaitu peningkatan 4 kali ganda yang disumbangkan terutamanya oleh peningkatan hasil dividen, yuran pengurusan serta kenaikan nilai pasaran saham. Hasil dividen adalah berjumlah RM71.92 juta (2006: RM17.87 juta) meningkat RM54.05 juta atau 303% berbanding tahun 2006. Yuran pengurusan adalah berjumlah RM1.54 juta (2006: RM0.18 juta) meningkat RM1.36 juta atau lebih 7 kali ganda manakala kenaikan nilai pasaran saham adalah RM80.54 juta (2006: RM8.06 juta) telah meningkat RM72.52 juta atau 9 kali ganda berbanding tahun 2006. Syarikat juga dapat mengawal perbelanjaan pentadbiran dan am iaitu berjumlah RM2.85 juta (2006: RM2.48 juta) dengan peningkatan hanya RM0.34 juta atau 13%. Kenaikan perbelanjaan disebabkan terutama oleh kenaikan perbelanjaan gaji, bonus dan elaun serta belanja susut nilai aset dan derma. Kenaikan keuntungan membolehkan syarikat mengisytiharkan dividen yang lebih baik kepada pemegang saham. Pada tahun 2007, syarikat telah mengisytiharkan dividen RM10 juta yang telah dibayar sepenuhnya pada bulan Januari 2008 berbanding RM8 juta pada tahun 2006. Keuntungan yang lebih tinggi juga meningkatkan pendapatan terkumpul syarikat selepas cukai kepada RM138.16 juta (2006: RM10.06 juta) menjadikan dana pemegang saham meningkat kepada RM531.35 juta (2006: RM403.24 juta) iaitu peningkatan RM128.11 juta atau 32% berbanding tahun 2006. Aset jangka panjang syarikat adalah berjumlah RM433.96 juta (2006: RM318.42 juta) meningkat RM115.54 juta atau 36% disumbangkan terutamanya oleh peningkatan nilai pasaran pelaburan serta peningkatan pelaburan. Liabiliti syarikat juga didapati bertambah daripada RM5.35 juta kepada RM12.53 juta iaitu peningkatan RM7.18 juta. Peningkatan liabiliti adalah disebabkan oleh dividen yang diisytiharkan pada tahun 2006 belum dibayar sehingga akhir tahun 2007. Bagaimanapun, Syarikat telah menjelaskan dividen berkenaan pada bulan Januari 2008.

17.6.2 Analisis Nisbah

a) Nisbah Kestabilan - Nisbah Hutang

Nisbah hutang menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai nilai aset berjumlah RM543.88 juta (2006: RM408.59) berbanding dengan liabiliti berjumlah RM12.53 juta (2006: RM5.35 juta). Dengan membandingkan jumlah liabiliti ke atas jumlah aset pada akhir tahun 2007, nisbah hutang syarikat ialah 1:43 iaitu lebih tinggi berbanding 1:76 pada tahun 2006. Peningkatan liabiliti adalah terutamanya disebabkan oleh tanggungan dividen yang diisytiharkan dalam tahun 2007 belum dibayar sehingga akhir tahun 2007. Walaupun berlaku penurunan nisbah kestabilan, namun tidak menjejaskan kemampuan Syarikat untuk membayar semua liabiliti tersebut kerana jumlah aset Syarikat pada 31 Disember 2007 adalah 43 kali ganda berbanding jumlah liabiliti.

b) Nisbah Semasa/Nisbah Kecairan

Nisbah semasa atau nisbah kecairan aset adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekuatan kewangan sesebuah syarikat. Ia mengukur kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan segala hutang dalam jangka masa pendek dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai aset semasa berjumlah RM109.92 juta (2006: RM90.17 juta) berbanding dengan liabiliti semasa berjumlah RM12.53 juta (2006: RM 5.14 juta). Ini bermakna pada tahun 2007, Syarikat mempunyai nisbah semasa 9 kali ganda berbanding 18 kali ganda pada tahun 2006. Terdapat penurunan 9 kali ganda nisbah kecairan disebabkan oleh pertambahan liabiliti semasa berbanding tahun 2006. Walaupun berlaku penurunan nisbah kecairan, Syarikat mempunyai kemampuan yang amat tinggi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya dan 58% daripada jumlah tersebut telah diselesaikan pada bulan Januari 2008 iaitu dengan membayar tanggungan dividen yang berjumlah RM7.29 juta.

c) Nisbah Keuntungan - Nisbah *Earning Per Share*

Nisbah *Earning Per Share (EPS)* adalah penting kerana ia menunjukkan pulangan sebenar bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Nilai *EPS* yang tinggi menunjukkan bahawa syarikat berkenaan memperolehi keuntungan yang tinggi. Pada tahun 2005 dan 2006, Syarikat mempunyai modal saham berbayar penuh sejumlah RM393 juta. Manakala keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2007 sejumlah RM135.40 juta (2006: RM25.91 juta). Berdasarkan nisbah berkenaan, setiap ringgit yang telah dilaburkan memberi pulangan sejumlah RM0.34 sesaham (2006: RM0.07 sesaham) kepada pemegang saham. Ini menunjukkan prestasi kewangan Syarikat yang semakin kukuh dan mampu memberi pulangan yang lebih baik kepada pemegang saham.

d) Nisbah Kecekapan - Pulangan Atas Aset

Nisbah pulangan atas aset adalah nisbah yang sering digunakan untuk mengukur pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap Ringgit aset yang digunakan. Semakin

tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap Ringgit aset yang digunakan akan menunjukkan kecekapan syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Pada akhir tahun 2007, Syarikat memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM155.69 juta (2006: RM31.31 juta) berbanding dengan aset berjumlah RM543.88 juta (2006: RM408.59 juta). Berdasarkan kiraan nisbah berkenaan, setiap Ringgit aset yang digunakan, Syarikat memperolehi keuntungan RM0.29 (2006: RM0.08) iaitu peningkatan sebanyak 263%. Ini menunjukkan syarikat telah mengurus aset dengan cekap dan berkesan bagi memperolehi pulangan yang lebih baik pada tahun 2007 berbanding tahun 2006.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah baik di mana kedudukan aset mampu menanggung keseluruhan liabiliti.

18. RUMUSAN DAN SYOR

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat adalah baik. Operasi utama syarikat dalam aktiviti pelaburan dan hartanah telah menghasilkan keuntungan kepada syarikat dan seterusnya dapat memberi pulangan dividen kepada pemegang sahamnya iaitu Kerajaan Negeri Sabah. Peraturan kewangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah juga dipatuhi dengan baik. Namun begitu, pihak pengurusan perlu memberi perhatian terhadap kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara terutamanya dalam meningkatkan kawalan pengurusan kewangan dengan menyediakan garis panduan lengkap terhadap prosedur kawalan pengurusan kewangan yang merangkumi kawalan bajet, terimaan, perbelanjaan, pelaburan dan pinjaman. Selain itu, Syarikat perlu mengambil tindakan untuk membuat pelaporan kepada Lembaga Pengarah mengikut kekerapan yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM, PERBADANAN BAITULMAL
NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

19. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan hasil penyerahan, pengesahan dan pembentangan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam, Perbadanan Baitulmal Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

20. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 41 Agensi Negeri iaitu 17 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Ugama Islam, satu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan 22 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah selaras dengan kehendak Akta Audit 1957. Daripada jumlah tersebut, pengauditan bagi 17 Badan Berkanun Negeri dan 21 Pihak Berkuasa Tempatan telah dijalankan oleh firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Lantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Manakala pengauditan penyata kewangan Majlis Ugama Islam, Perbadanan Baitulmal dan Majlis Daerah Kunak dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri.

21. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut undang-undang tubuh Badan Berkanun Negeri berkenaan, Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Akaun Tahunan Badan Berkanun Negeri dikehendaki dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas penutupan akaun tahunan. Manakala Penyata Akaun Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan pula perlu dikemukakan secepat mungkin selepas penutupan akaun. Sehingga 30 April 2008, sebanyak 3 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Ugama Islam dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dan 31 Disember 2007 belum diserahkan untuk pengauditan. Butiran lanjut kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 37** dan **Jadual 38**.

Jadual 37
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan
Badan Berkanun Negeri Setakat 30 April 2008

Bil.	Akaun	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Sedang Diaudit	Penyata Belum Serah	
				Tahun	Bil.
1.	Korporasi Pembangunan Desa Sabah	2006	-	-	-
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan	2006	-	-	-
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2005	-	2006	1
4.	Kumpulan Wang Amanah Warisan Negeri Sabah	<i>*Belum Beroperasi</i>			
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	2005	-	2006	1
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2006	-	-	-
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2006	-	-	-
8.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2006	-	-	-
9.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2006	-	-	-
10.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	2006	-	-	-
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2006	-	-	-
12.	Majlis Ugama Islam Sabah	2005		2006	1
13.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2006	-	-	-
14.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2007	-	-	-
15.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2006	-	-	-
16.	Lembaga Pelancongan Sabah	2006	-	-	-
17.	Taman-Taman Sabah	2006	-	-	-
18.	Yayasan Tun Fuad	2006	-	-	-
19.	Yayasan Sabah	2006	-	-	-
20.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	2006	-	-	-
Jumlah					3

Nota : Seksyen 4(1) Enakmen Badan Berkanun (Peruntukan Tambahan 1997), Penyata Kewangan hendaklah diserahkan untuk diaudit sebelum 31 Julai tahun berikutnya.

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Jadual 38
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan
Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 30 April 2008

Bil.	Akaun	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Sedang Diaudit	Penyata Belum Serah	
				Tahun	Bil.
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2006	-	2007	1
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	2006	-	2007	1
3.	Majlis Perbandaran Tawau	2006	-	2007	1
4.	Lembaga Bandaran Kudat	2006	-	2007	1
5.	Majlis Daerah Beaufort	2006	2007	-	-
6.	Majlis Daerah Beluran	2004	2005-2006	2007	1
7.	Majlis Daerah Keningau	2006	-	2007	1
8.	Majlis Daerah Kinabatangan	2004	2005-2006	2007	1
9.	Majlis Daerah Kota Belud	2006	2007	-	-
10.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2006	-	2007	1
11.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2006	2007	-	-
12.	Majlis Daerah Kunak	2005	-	2006-2007	2
13.	Majlis Daerah Lahad Datu	2006	-	2007	1
14.	Majlis Daerah Nabawan	2004	2005-2006	2007	1
15.	Majlis Daerah Papar	2005-2006	2007	-	-
16.	Majlis Daerah Penampang	2005	2006	2007	1
17.	Majlis Daerah Ranau	2006	2007	-	-
18.	Majlis Daerah Semporna	2007	-	-	-
19.	Majlis Daerah Sipitang	2006	2007	-	-
20.	Majlis Daerah Tambunan	2006	2007	-	-
21.	Majlis Daerah Tenom	2007	-	-	-
22.	Majlis Daerah Tuaran	2005	-	2006-2007	2
Jumlah					15

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Kelewatan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri adalah berpunca daripada masalah tenaga kerja, pengurusan Agensi dan aspek lain berkenaan. Maklumat lengkap ulasan Audit terhadap kelewatan/kegagalan 3 Agensi berkenaan adalah seperti di **Jadual 39**. Berdasarkan kepada masalah yang dijelaskan oleh Agensi, adalah disyorkan sistem yang dibangunkan dapat digunakan dengan segera dan melantik Akauntan berjawatan tetap di ketiga-tiga Agensi berkenaan.

Jadual 39
Punca Kelewatan Penyerahan Penyata Kewangan
Tiga Agensi Badan Berkanun Negeri

Bil.	Agensi	Tahun Akaun	Punca Masalah
1.	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	2006	Terdapat masalah dalam sistem perakaunan berkomputer yang digunakan dan sedang dalam proses pembaikan.
2.	Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)	2006	Kelewatan penyerahan Penyata Kewangan akibat pegawai yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan LIGS telah berhenti.
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah (KWPSGS)	2006	Kelewatan penyerahan Penyata Kewangan akibat pertukaran pegawai yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan KWPSGS.

Sumber: Rekod di Jabatan Audit Negara

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan penyerahan penyata kewangan lazimnya disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan yang berkemahiran dalam penyediaan penyata kewangan.

22. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut garis panduan yang ditetapkan, Sijil Ketua Audit Negara yang muktamad hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera selepas *exit conference* diadakan. Persijilan penyata kewangan bagi Agensi di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

22.1 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH DAN PERBADANAN BAITULMAL NEGERI

Sehingga 30 April 2008, sejumlah 30 penyata kewangan bagi 19 Badan Berkanun Negeri, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dan Majlis Ugama Islam telah disijilkan yang melibatkan 16 Sijil Tanpa Teguran, 13 Sijil Berteguran dan 1 Sijil Penafian. Perkara yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran antaranya adalah seperti berikut:

- a) Peruntukan hutang ragu dan rosot nilai pelaburan tidak dibuat;
- b) Perbezaan baki antara rekod Badan Berkanun Negeri dan syarikat subsidiari tidak diselaraskan;
- c) Pelunasan perbelanjaan pembangunan tidak selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan;
- d) Tatacara pengiraan stok tidak diwujudkan;
- e) Penyata yang disatukan bagi Agensi yang mempunyai subsidiari tidak disediakan;
- f) Daftar Aset Tetap dan rekod deposit tidak diselenggarakan; dan
- g) Kesilapan mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan dalam penyata kewangan.

Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Perbadanan Baitulmal Negeri dan Majlis Ugama Islam sehingga 30 April 2008 adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Tahunan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Perbadanan Baitulmal Negeri
Setakat 30 April 2008

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disijilkan			Jenis Sijil
		Tahun	Bil.	Tarikh	
1.	Korporasi Pembangunan Desa	2006	1	08.04.2008	Bersih
		2005	1	28.06.2007	Berteguran
		2004	1	13.02.2007	Penafian
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2006	1	08.10.2007	Berteguran
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2005	1	10.09.2007	Berteguran
4.	Kumpulan Wang Amanah Warisan Negeri Sabah	<i>Belum Beroperasi</i>			
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	2005	1	12.12.2007	Berteguran
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2006	1	21.01.2008	Berteguran
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2006	1	01.04.2008	Berteguran
		2005	1	06.02.2007	Bersih
8.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2006	1	07.08.2007	Bersih
9.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2006	1	01.10.2007	Bersih
10.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	2006	1	12.11.2007	Berteguran
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2006	1	05.03.2008	Bersih
		2005	1	22.10.2007	Bersih
		2004	1	06.02.2007	Bersih
12.	Majlis Ugama Islam Sabah	2005	1	28.08.2007	Berteguran
13.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2006	1	29.06.2007	Bersih
14.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2007	1	21.04.2008	Bersih
		2006	1	14.05.2007	Bersih
15.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2006	1	25.01.2008	Berteguran
		2005	1	05.10.2007	Berteguran
		2004	1	02.04.2007	Berteguran
16.	Lembaga Pelancongan Sabah	2006	1	28.09.2007	Bersih
17.	Taman-Taman Sabah	2006	1	28.04.2008	Bersih
		2005	1	05.11.2007	Bersih
18.	Yayasan Tun Fuad	2006	1	29.02.2008	Berteguran
19.	Yayasan Sabah	2006	1	14.04.2008	Bersih
		2005	1	16.07.2007	Bersih
		2004	1	24.01.2007	Bersih
20.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	2006	1	05.11.2007	Berteguran
Jumlah			30		

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

22.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sehingga 30 April 2008, sebanyak 21 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah disijilkan yang melibatkan 14 Sijil Tanpa Teguran dan 7 Sijil Berteguran. Perkara yang sering dibangkitkan dalam Sijil Berteguran adalah seperti berikut:

- a) Baki bantuan modal dan bantuan khas daripada Kerajaan Negeri telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi; dan
- b) Baki bank dalam Penyata Harta Dan Tanggungan tidak dapat disahkan kerana Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan.

Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Tahunan
Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 30 April 2008

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disijilkan			Jenis Sijil
		Tahun	Bil.	Tarikh	
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2006	1	29.01.08	Berteguran
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	2006	1	26.03.08	Berteguran
3.	Majlis Perbandaran Tawau	2006	1	25.03.08	Bersih
4.	Lembaga Bandaran Kudat	2006	1	28.03.08	Bersih
5.	Majlis Daerah Beaufort	2006	1	06.07.07	Berteguran
6.	Majlis Daerah Beluran	2005	1	11.04.08	Bersih
		2006	1	11.04.08	Bersih
7.	Majlis Daerah Keningau	2006	1	25.03.08	Berteguran
8.	Majlis Daerah Kinabatangan	-	-	-	-
9.	Majlis Daerah Kota Belud	2006	1	09.04.07	Bersih
10.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2006	1	04.02.08	Bersih
11.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2006	1	25.05.07	Berteguran
12.	Majlis Daerah Kunak	-	-	-	-
13.	Majlis Daerah Lahad Datu	2006	1	10.10.07	Berteguran
14.	Majlis Daerah Nabawan	-	-	-	-
15.	Majlis Daerah Papar	2005	1	09.04.08	Bersih
		2006	1	09.04.08	Bersih
16.	Majlis Daerah Penampang	2005	1	20.04.07	Bersih
17.	Majlis Daerah Ranau	2006	1	14.08.07	Bersih
18.	Majlis Daerah Semporna	2007	1	31.03.08	Bersih
19.	Majlis Daerah Sipitang	2006	1	12.04.07	Bersih
20.	Majlis Daerah Tambunan	2006	1	26.03.07	Bersih
21.	Majlis Daerah Tenom	2007	1	11.04.08	Bersih
22.	Majlis Daerah Tuaran	2005	1	06.02.08	Berteguran
Jumlah			21		

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

23. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan

Undangan Negeri. Sebanyak 37 penyata kewangan bagi 26 Agensi Negeri yang telah disahkan sehingga 30 April 2008 belum dibentangkan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 42** dan **Jadual 43**.

Jadual 42
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,
Majlis Agama Islam Dan Perbadanan Baitulmal Negeri
Setakat 30 April 2008

Bil.	Akaun	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Terakhir Dibentang	Penyata Belum Dibentangkan	
				Tahun	Bil.
1.	Korporasi Pembangunan Desa	2006	2005	2006	1
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2006	2006	2006	1
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2005	2005	-	-
4.	Kumpulan Wang Amanah Warisan Negeri Sabah	<i>Belum Beroperasi</i>			
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	2005	2004	2005	1
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2006	2005	2006	1
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2006	2003	2004-2006	3
8.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2006	2006	-	-
9.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2006	2006	-	-
10.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	2006	2005	2006	1
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2006	2002	2003-2006	4
12.	Majlis Ugama Islam Sabah	2005	2001	2002-2005	4
13.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2006	2006	-	-
14.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2007	2006	2007	1
15.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2006	2004	2005-2006	2
16.	Lembaga Pelancongan Sabah	2006	2006	-	-
17.	Taman-Taman Sabah	2006	2003	2004-2006	3
18.	Yayasan Tun Fuad	2006	2005	2006	1
19.	Yayasan Sabah	2006	2005	2006	1
20.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	2006	-	2005-2006	2
Jumlah					19

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Jadual 43
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan
Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 30 April 2008

Bil.	Akaun	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Terakhir Dibentang	Penyata Belum Dibentangkan	
				Tahun	Bil.
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2006	2005	2006	1
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	2006	2005	2006	1
3.	Majlis Perbandaran Tawau	2006	2005	2006	1
4.	Lembaga Bandaran Kudat	2006	2005	2006	1
5.	Majlis Daerah Beaufort	2006	2006	2007	1
6.	Majlis Daerah Beluran	2005&2006	2002	2003&2006	4
7.	Majlis Daerah Keningau	2006	2004	2005&2006	2
8.	Majlis Daerah Kinabatangan	2004	2004	-	-
9.	Majlis Daerah Kota Belud	2006	2006	-	-
10.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2006	2005	2006	1
11.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2006	2006	-	-
12.	Majlis Daerah Kunak	2005	2005	-	-
13.	Majlis Daerah Lahad Datu	2006	2006	-	-
14.	Majlis Daerah Nabawan	2004	2004	-	-
15.	Majlis Daerah Papar	2005&2006	2004	2005&2006	2
16.	Majlis Daerah Penampang	2005	2005	-	-
17.	Majlis Daerah Ranau	2006	2006	-	-
18.	Majlis Daerah Semporna	2007	2006	2007	1
19.	Majlis Daerah Sipitang	2006	2006	-	-
20.	Majlis Daerah Tambunan	2006	2006	-	-
21.	Majlis Daerah Tenom	2007	2006	2007	1
22.	Majlis Daerah Tuaran	2005	2004	2003 dan 2005	2
Jumlah					18

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

24. PRESTASI KEWANGAN

24.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN

Sehingga 30 April 2008, penyata kewangan bagi 15 Badan Berkanun Negeri, satu Perbadanan Baitulmal Negeri dan 16 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah disahkan. Pada tahun berakhir 2006, sebanyak 12 Badan Berkanun Negeri dan satu Perbadanan Baitulmal Negeri telah berjaya mengurangkan perbelanjaan dengan mempunyai surplus pendapatan. Agensi yang dapat menampung liabiliti semasa dan mengakhiri tahun kewangan dengan lebihan harta bersih semasa juga melibatkan 14 Badan Berkanun Negeri dan satu Perbadanan Baitulmal Negeri. Sementara itu, sebanyak 16 penyata kewangan tahun 2006 bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang disahkan menunjukkan 12 Pihak Berkuasa Tempatan mengakhiri tahun kewangan ini dengan lebihan pendapatan, manakala 4 Pihak Berkuasa Tempatan lagi mengalami kurangan/defisit. Namun begitu, sebanyak 13 Pihak Berkuasa Tempatan di mana jumlah aset semasa dapat menampung liabiliti semasa sementara 3 yang lain mengalami kurangan harta semasa. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 44** dan **Jadual 45**.

Jadual 44
Prestasi Kewangan
Badan Berkanun Negeri Dan Perbadanan Baitulmal Negeri
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Hasil (RM Juta)	Perbe- lanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta/ (Liabiliti) Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Korporasi Pembangunan Desa	40.85	46.44	(5.59)	26.36	14.88	11.48
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	14.84	14.39	0.45	23.77	63.46	(39.69)
3.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	16.65	13.93	2.72	101.06	71.96	29.10
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	101.50	79.85	21.65	110.25	69.82	40.43
5.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	10.71	10.58	(0.13)	3.79	1.02	2.77
6.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	8.83	8.08	0.75	3.33	0.29	3.04
7.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	11.82	12.59	(0.77)	14.36	4.17	10.19
8.	Lembaga Pelabuhan- Pelabuhan Sabah	17.48	27.52	(10.04)	401.31	32.34	368.97
9.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2.28	1.82	0.46	1.70	0.16	1.54
10.	Perbadanan Pinjaman Sabah	61.24	45.33	15.91	793.57	706.81	86.76
11.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	32.59	30.01	2.58	254.44	264.28	(9.84)
12.	Lembaga Pelancongan Sabah	28.72	20.27	8.45	42.86	3.39	39.47
13.	Taman-Taman Sabah	32.44	26.09	6.35	27.35	2.76	24.59
14.	Yayasan Tun Fuad	0.40	0.25	0.15	12.16	0.01	12.15
15.	Yayasan Sabah	1,383.67	1,202.74	180.93	1,675.82	335.22	1,340.60
16.	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah	0.65	0.98	0.33	4.97	0.03	4.94

Sumber : Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Perbadanan Baitulmal Negeri

Jadual 45
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Hasil (RM Juta)	Perbe- lanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta/ (Liabiliti) Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	80.04	78.23	1.81	29.26	11.69	17.57
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	29.83	31.56	(1.73)	3.83	79.34	(75.51)
3.	Majlis Perbandaran Tawau	24.09	23.78	0.31	27.92	3.19	24.73
4.	Lembaga Bandaran Kudat	3.21	3.16	0.05	3.61	1.82	1.79
5.	Majlis Daerah Beaufort	7.11	2.69	4.42	2.52	0.02	2.50
6.	Majlis Daerah Keningau	4.79	5.26	(0.47)	0.62	1.30	(0.68)
7.	Majlis Daerah Kota Belud	2.61	2.29	0.32	6.05	1.92	4.13
8.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	1.61	1.69	(0.08)	1.27	0.45	0.82
9.	Majlis Daerah Kuala Penyu	1.08	1.04	0.04	0.18	0.29	(0.11)
10.	Majlis Daerah Lahad Datu	9.82	10.17	(0.35)	4.11	2.08	2.03
11.	Majlis Daerah Papar	3.56	3.12	0.44	0.84	0.74	0.10
12.	Majlis Daerah Ranau	2.40	1.77	0.63	0.96	0.24	0.72
13.	Majlis Daerah Sipitang	2.24	1.19	1.05	2.88	0.26	2.62
14.	Majlis Daerah Semporna	2.60	2.38	0.22	2.50	0.16	2.34
15.	Majlis Daerah Tambunan	3.23	1.20	2.03	0.61	0.03	0.58
16.	Majlis Daerah Tenom	2.44	2.41	0.03	2.64	0.66	1.98

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

24.2 ANALISIS TUNGGAKAN CUKAI PERKARA AM

Analisis Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am adalah disedia berdasarkan Penyata Tunggakan Cukai Perkara Am dan Penyata Kewangan bagi tahun 2006 yang telah disahkan. Secara keseluruhan, Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am Pihak Berkuasa Tempatan meningkat sejumlah RM2.51 juta iaitu daripada tunggakan sejumlah RM50.13 juta pada tahun 2005 menjadi RM52.64 juta pada tahun 2006. Hasil analisis tersebut mendapati 7 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat penurunan dalam tunggakan Cukai Perkara Am pada tahun 2006. Manakala 7 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah mencatatkan pertambahan dalam Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am. Selain itu, Cukai Perkara Am bagi 2 Pihak Berkuasa Tempatan tidak mencatatkan sebarang perubahan. Peningkatan Cukai Perkara Am antara lainnya disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap pembayar cukai yang tidak

membuat bayaran dan penambahan bilangan bangunan dalam kawasan perkadaran. Berdasarkan kepada analisis yang dibuat tersebut juga menunjukkan tunggakan hasil Cukai Perkara Am Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mencatat peningkatan paling tinggi iaitu daripada RM16.77 juta pada tahun 2005 menjadi RM18.87 juta pada tahun 2006. Butiran lanjut dinyatakan seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Analisis Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am Pada Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Nama Agensi Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	16.77	18.87	2.10
2.	Lembaga Bandaran Kudat	0.85	0.97	0.12
3.	Majlis Perbandaran Sandakan	12.36	11.30	(1.06)
4.	Majlis Perbandaran Tawau	7.12	6.58	(0.54)
5.	Majlis Daerah Beaufort	1.14	1.11	(0.03)
6.	Majlis Daerah Keningau	2.85	3.43	0.58
7.	Majlis Daerah Kota Belud	0.26	0.26	-
8.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	1.00	0.64	(0.36)
9.	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.84	0.92	0.08
10.	Majlis Daerah Lahad Datu	3.18	4.72	1.54
11.	Majlis Dearah Papar	2.11	2.00	(0.11)
12.	Majlis Derah Ranau	0.49	0.49	-
13.	Majlis Daerah Semporna	0.38	0.32	(0.06)
14.	Majlis Daerah Sipitang	0.03	0.02	(0.01)
15.	Majlis Daerah Tambunan	0.11	0.12	0.01
16.	Majlis Daerah Tenom	0.64	0.89	0.25
Jumlah		50.13	52.64	2.51

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

25. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bertambah baik. Dalam aspek persijilan penyata kewangan, Agensi yang telah diberi Sijil Penafian dan Berteguran hendaklah meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan Agensi selaras dengan standard perakaunan dan peraturan kewangan yang diluluskan. Selain itu, tunggakan hasil Cukai Perkara Am masih tinggi dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengutip tunggakan hasil cukai.

BAHAGIAN VII
TINDAKAN SUSULAN TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2006

26. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 11 Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Kedudukan masa kini perkara yang berbangkit adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan
Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Mengenai
Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1. JABATAN TANAH DAN UKUR			
13.2.3	Penyerahan Wang Kutipan Kepada Pegawai Penyelia Borang penyerahan wang daripada kerani hasil kepada pegawai penyelia tidak diselenggara.	Borang penyerahan telah disediakan dan digunakan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
13.2.13	Daftar Pemeriksaan Mengejut Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan.	Jawatankuasa telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2007 dan jadual pemeriksaan telah disediakan.	
13.3.1	Penyelenggaraan Buku Vot Tanggungan tidak direkodkan dalam Buku Vot.	Peraturan merekodkan tanggungan telah dipatuhi.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
13.4.2	Pendahuluan Diri Daftar Pendahuluan Diri tidak mempunyai maklumat tarikh dan tujuan pendahuluan.	Jabatan sedang menyemak butiran lanjut pendahuluan diri.	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan Daftar Pendahuluan Diri sentiasa lengkap dan kemas kini.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
13.4.3	Pengurusan Deposit 11 akaun Deposit Am berjumlah RM337,256 tidak bergerak antara 11 hingga 24 tahun.	Deposit tidak dikembalikan oleh Jabatan Tanah kerana projek berkaitan masih dalam proses siasatan. Deposit akan dikembalikan sekiranya keputusan kes telah selesai.	
13.5.1	Daftar Harta Modal Dan Inventori (Kew.312 dan Kew.313) Daftar Harta Modal yang diselenggara tiada maklumat mengenai kos dan tarikh beli, nombor Pesanan Kerajaan dan penempatan.	Daftar Harta Modal telah dikemas kini.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Bagaimanapun tindakan segera perlu diambil untuk menjalankan pemeriksaan terhadap harta modal, verifikasi stok dan mendapatkan keputusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
13.5.4	Pemeriksaan Tahunan Pemeriksaan tahunan terhadap Harta Modal tidak dijalankan.	Jawatankuasa telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2007 dan jadual pemeriksaan telah disediakan.	
13.5.5	Verifikasi Stok Verifikasi stok tidak pernah dijalankan.	Jawatankuasa telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2007 dan jadual pemeriksaan telah disediakan.	
13.5.6(b)	Penggunaan Kenderaan Penjelasan dari pemandu belum diterima dan tindakan belum diambil oleh Jabatan terhadap penggunaan kenderaan tanpa kebenaran yang terlibat dengan kemalangan.	Perkara ini telah dirujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah pada 30.11.2007 untuk tindakan tatatertib.	
13.5.7	Pelupusan Tindakan pelupusan belum diambil walaupun kelulusan telah diberi oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada bulan Oktober 2006.	Tindakan pelupusan telah dilaksanakan pada bulan Mac 2008.	
2. JABATAN PERHUTANAN			
17.5.6	Bengkel Jabatan		
17.5.6 (a)	Kapal Lanci Kapal lanci rosak dan tidak ekonomik dibaiki. Kos penyelenggaraan telah mencecah RM879,286.	Tindakan pelupusan belum diambil terhadap kapal lanci yang rosak dan tidak ekonomik dibaiki. Sejumlah RM20,000 telah dibelanjakan untuk	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
